

Penyata Kewangan

(Dinyatakan Dalam Ringgit Malaysia)

- 68 Laporan Pengarah
- 79 Laporan Juruaudit
- 80 Kunci Kira-Kira
- 81 Penyata Pendapatan
- 82 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti
- 84 Penyata Aliran Wang Tunai
- 87 Nota-Nota Penyata Kewangan
- 163 Kenyataan Oleh Para Pengarah
- 163 Pengakuan Berkanun

Laporan Pengarah

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka serta penyata kewangan **AMFB HOLDINGS BERHAD** yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004 yang telah disediakan menurut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan, 1989, dan piawaian perakaunan berkaitan yang diluluskan di Malaysia.

Kegiatan Utama

Kegiatan utama Syarikat adalah sebagai syarikat pemegangan pelaburan.

Kegiatan utama syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu telah didedahkan dalam Penyata Kewangan masing-masing dalam Nota 13 dan 14.

Tiada terdapat sebarang perubahan penting di dalam kegiatan Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan ini.

Peristiwa-Peristiwa Penting

1. Pada 30 April 2003, AmFinance Berhad (AmFinance) telah menerbitkan RM200 juta amaan nominal Bon Boleh Niaga, Berfaedah, Bersubordinat, Boleh Tebus dan Tidak Bercagar yang bertujuan untuk menambahkan dana modalnya. Bon bersubordinat tersebut telah diterbitkan untuk tempoh sepuluh tahun dan akan dibayar balik pada 30 April 2013 serta menanggung kadar faedah yang berubah dalam lingkungan 7.95% kepada 10.45% setahun, dibayar mengikut dasar setengah tahun.
2. Pada 10 Mei 2003, syarikat induk muktamad, AMMB Holdings Berhad (AHB) telah menerima kelulusan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk memulakan rundingan dengan EON Capital Berhad bagi kemungkinan gabungan di antara dua kumpulan perbankan. Walau bagaimanapun, rundingan tersebut telah dibatalkan pada 25 Jun 2003.
3. Pada 9 Julai 2003, AHB telah mendapat kelulusan BNM untuk memulakan rundingan dengan Commerce Asset-Holding Berhad bagi kemungkinan gabungan di antara AmFinance dengan Bumiputra-Commerce Finance Berhad dan AmBank Berhad dengan Bumiputra-Commerce Bank Berhad. Walau bagaimanapun, rundingan tersebut telah dibatalkan pada 5 September 2003.
4. Berikutan Perjanjian Jual Beli di antara Syarikat dan Danamodal Nasional Berhad (Danamodal) yang bertarikh 3 Ogos 2001 untuk pengambilalihan AmFinance, satu jumlah luar jangka sebanyak RM450.0 juta akan dibayar kepada Danamodal sebagai sebahagian daripada jumlah ganjaran. Bayaran luar jangka tunai yang bernilai sehingga RM450.0 juta, akan dibayar sekiranya dan hanya jika AmFinance mengembalikan tunai dalam tempoh lima tahun daripada 30 September 2001, sebarang melebihi nilai buku bersih pinjaman tidak berbayar (NPL), penjualan NPL kepada Danaharta dan penghapusan NPL dalam buku AmFinance pada 30 September 2001 berdasarkan akaun dan semua pelaburan, sekuriti, hutang bercagar, lain-lain aset, tanggungan atau butiran luar jangka berhubungan dengan amaan yang sudah disusutkan nilai atau peruntukan/pelarasian yang dibuat.

Pada 14 Oktober 2003, AMFB telah menyertai Perjanjian Penyelesaian dengan Danamodal bagi penyelesaian awal Amaun Luar Jangka berjumlah RM255.0 juta (Amaun Penyelesaian). Amaun Penyelesaian bersama jumlah faedah sebanyak RM16.915 juta adalah berkaitan dengan NPL dibayar balik dan sekuriti yang dibayar kepada Danamodal pada 15 Oktober 2003.

Maka, jumlah akhir ganjaran pembelian untuk pengambilalihan AmFinance (dahulunya dikenali sebagai MBF Finance Berhad) adalah RM730 juta.

5. Pada 28 Oktober 2003, AmFinance telah menyertai Perjanjian Faciliti Tambahan dengan Danamodal, di mana RM680 juta Pinjaman Berjangka Bersubordinat yang diperolehi daripada Danamodal telah diserahkan haknya kepada Astute Assets Berhad.

Syarat dan terma-terma pinjaman adalah sama, kecuali faedah yang dikenakan ke atas pinjaman, adalah pada kadar 6.5% setahun sehingga 19 Disember 2006, 7.0% setahun daripada 20 Disember 2006 sehingga 19 Disember 2007 dan 7.5% setahun daripada 20 Disember 2007 sehingga 19 Disember 2011.

Laporan Pengarah (Sambungan)

6. Pada 25 Februari 2004, AmFinance telah menyertai perjanjian jual beli bersyarat dengan MBf Corporation Berhad (MBf Corp) bagi jualan keseluruhan 100% kepentingan ekuiti yang dimiliki oleh AmFinance yang merangkumi 1,000,000 saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dalam MBf Property Trust Management Berhad (MBfPT) dengan jumlah ganjaran tunai sebanyak RM1.00.

Ganjaran pembelian tersebut telah dipersetujui atas dasar kesanggupan pembeli dan penjual selepas mengambil kira kedudukan kewangan semasa MBfPT. Penyelesaian jualan tersebut dalam proses mendapat kelulusan daripada pihak-pihak yang berkenaan.

7. Apabila permohonan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (CCM) dibuat, syarikat-syarikat subsidiari AmFinance berikut, telah digugurkan daripada Pendaftar CCM dan pembubaran dibuat berdasarkan kepada kuasa dikurniakan di bawah Seksyen 308 Akta Syarikat, 1965:-

- (i) Horizon View Sdn Bhd (HVSb) – No. Syarikat: 227779-D
- (ii) MBf Venture Partners Berhad (MBfVP) – No. Syarikat: 279706-A

Kedua-dua HVSb dan MBfVP tidak beroperasi semenjak ditubuhkan pada 28 Oktober 1991 dan 26 Oktober 1993, masing-masing.

Modal dibayar penuh HVSb dan MBfVP masing-masing berjumlah RM2 dibahagi kepada 2 saham-saham biasa bernilai RM1 setiap satu, dan RM1 dibahagi kepada 2 saham-saham biasa bernilai RM0.50 setiap satu.

8. Pada 27 Februari 2004 dan 31 Mei 2004, AHB telah mengumumkan cadangan-cadangan berikut:

- (i) Cadangan Penswastaan Syarikat (Penswastaan AMFB) yang melibatkan skim penyusunan berdasarkan kepada Seksyen 176 Akta Syarikat, 1965 antara Syarikat, AHB dan pemegang-pemegang saham Syarikat selain daripada AHB (Pemegang-Pemegang Saham Minoriti AMFB) dimana AHB akan membeli kesemua Saham Minoriti AMFB, berjumlah 189,113,911 saham-saham AMFB dalam AMFB yang mewakili 35.75% kepentingan ekuiti dalam AMFB, dengan jumlah ganjaran pembelian berjumlah RM1,361,620,159, bersamaan dengan RM7.20 Sesaham Minoriti AMFB (Cadangan Harga Ganjaran), melalui kombinasi terbitan saham-saham dalam AHB dan pembayaran tunai seperti berikut:
 - (a) jumlah RM771,584,757 melalui terbitan sehingga 189,113,911 Saham AHB Baru pada kadar satu (1) Saham AHB Baru pada RM4.08 sesaham untuk setiap satu (1) Saham Minoriti AMFB yang sedia ada yang dipegang; dan
 - (b) baki berjumlah RM590,035,402 dibayar dengan tunai pada kadar RM3.12 untuk setiap satu (1) Saham Minoriti AMFB sedia ada yang dipegang.

Tarikh kelayakan bagi nama-nama Pemegang-Pemegang Saham Minoriti AMFB tercatat dalam Laporan Pelabur-Pelabur AMFB bagi melayakkan diri dalam Cadangan Penswastaan AMFB akan ditentukan dan diumumkan pada tarikh yang akan datang selepas menerima kelulusan daripada pihak berkuasa bagi cadangan tersebut, termasuk persetujuan Mahkamah bagi Cadangan Penswastaan AMFB (Tarikh Kelayakan).

Jumlah Saham-Saham Baru AHB yang akan diterbitkan bergantung kepada jumlah sebenar Saham-Saham Minoriti AMFB yang akan dibeli pada Tarikh Kelayakan, selepas mengambil kira Saham-Saham Baru Syarikat yang akan diterbitkan oleh Syarikat berdasarkan kepada pelaksanaan opsyen di bawah skim opsyen saham para pekerja Syarikat (AMFB ESOS Opsyen) sebelum Tarikh Kelayakan. Pada 31 Mac 2004, sebanyak 345,000 jumlah AMFB ESOS Opsyen masih belum dilaksanakan.

Apabila skim penyusunan menjadi efektif, kesemua Pemegang-Pemegang Saham Minoriti AMFB dibataskan menukar saham-saham AMFB mereka mengikut kadar satu (1) Saham Baru AHB dan RM3.12 tunai bagi setiap satu (1) Saham Minoriti AMFB sedia ada yang dipegang pada Tarikh Kelayakan.

Berikutan Cadangan Penswastaan AMFB, Syarikat akan menjadi syarikat subsidiari milik penuh AHB. Oleh kerana Syarikat tidak akan lagi memenuhi keperluan penyebaran pemegangan saham awam Bursa Malaysia Securities Berhad (dahulunya dikenali sebagai Malaysia Securities Exchange Berhad)(Bursa Malaysia), Bursa Malaysia boleh mengeluarkan penyenaraian Saham Syarikat daripada Senarai Rasmi Bursa Malaysia seperti diperuntukkan bawah Seksyen 16.09 Senarai Penyenaraian Bursa Malaysia. Adalah menjadi tujuan AHB untuk mendapatkan kelulusan Bursa Malaysia untuk menyimpan status penyenaraian Syarikat.



Laporan Pengarah (Sambungan)

- (ii) Cadangan penyenaraian Kumpulan Perbankan Pelaburan AHB, melalui perbadanan syarikat baru (Newco), dalam Papan Utama Bursa Malaysia.

Cadangan Penyenaraian Newco melibatkan perkara-perkara berikut:

- (a) Newco yang diperbadankan akan bertindak sebagai badan penyenaraian/pemegang pelaburan, akan menjadi sebuah syarikat subsidiari milik penuh AHB pada mulanya;
- (b) penyusunan semula dalaman yang melibatkan pindahan kesemua kepentingan AHB dalam komponen syarikat-syarikat yang terlibat dalam operasi perbankan pelaburan kepada Newco (Cadangan Penyusunan Semula Dalaman)
- (c) tawaran untuk jualan/terbitan terhad sebanyak 40% daripada modal saham yang diterbitkan dan dibayar penuh Newco yang ditambahkan (Cadangan Tawaran) akan diambil kira selepas Cadangan Penyusunan Semula Dalaman selesai kepada berikut:
 - (i) Pemegang-Pemegang Saham AHB (Pemegang-Pemegang Saham AHB Yang Layak); dan
 - (ii) Mereka yang memenuhi kriteria yang layak untuk meyertai Cadangan Tawaran (Para Pekerja Yang Layak):
 - (a) Para pekerja dan pengarah Newco dan/atau syarikat-syarikat subsidiri dan bersekutu yang diperbadankan di Malaysia;
 - (b) Pengarah AHB; dan
 - (c) Peniaga-peniaga bersekutu AHB; dan
- (d) penyenaraian keseluruhan cadangan modal saham yang diterbitkan dan dibayar penuh Newco pada Papan Utama Bursa Malaysia.

- (iii) Cadangan Pemisahan Saham melibatkan pengurangan nilai par Saham AHB daripada RM1.00 setiap satu kepada RM0.50 setiap satu dengan cara membahagikan setiap satu (1) saham sedia ada yang dipegang dalam AHB kepada dua (2) saham-saham biasa baru dalam AHB bernilai RM0.50 setiap satu. Pemegang-pemegang saham AHB, di mana nama mereka terpapar dalam Daftar Para Pelabur pada tarikh penutupan perniagaan akan ditentukan dan diumumkan kemudian selepas mendapat kelulusan pihak yang berkaitan, akan layak kepada Cadangan Pemisahan Saham. Cadangan Pemisahan Saham dijangka akan dijalankan selepas Cadangan Penswastaan AMFB selesai.

Pada 25 Mac 2004 Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah meluluskan pemohonan Syarikat untuk pengecualian daripada mematuhi Perenggan 5 Petunjuk Nota 8A, Garis Panduan SC tertakluk kepada syarat dimana AHB dikehendaki melaksanakan cadangan pemisahan saham dalam tempoh tiga (3) bulan selepas penyelesaian cadangan penswastaan AMFB.

Cadangan Pemisahan Saham yang akan diterbitkan, akan bertaraf pari passu sesama mereka apabila diterbitkan dan diperuntukkan.

Cadangan Pemisahan Saham akan mengakibatkan pengurangan harga pasaran sedia ada saham-saham AHB, maka pemegang saham dan para pelabur akan lebih mampu memiliki saham-saham AHB. Cadangan Pemisahan Saham tersebut akan meningkatkan kecairan dan pasaran saham AHB dengan peningkatan bilangan saham-saham AHB.

Cadangan Penswastaan AMFB, Penyenaraian Newco dan Pemisahan Saham tertakluk kepada kelulusan SC, Menteri Kewangan, Bank Negara Malaysia, Mahkamah Tinggi, pemegang-pemegang saham Syarikat dan AHB serta pihak-pihak berkuasa yang berkaitan.

Cadangan Penswastaan AMFB dan Cadangan Penyenaraian Kumpulan Newco adalah saling bersyarat. Cadangan Pemisahan Saham adalah tidak bersyarat ke atas Cadangan Penswastaan AMFB dan Cadangan Penyenaraian Kumpulan Newco.

Laporan Pengarah (Sambungan)

Keputusan Kewangan

Keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan sebelum bahagian keputusan syarikat bersekutu dan pencukaian Bahagian keputusan syarikat bersekutu	419,823 209	1,226 -
Keuntungan sebelum pencukaian Pencukaian	420,032 30,688	1,226 (2,892)
Keuntungan/(Kerugian) sebelum kepentingan minoriti	450,720	(1,666)
Kepentingan pemegang-pemegang saham minoriti dalam keputusan syarikat-syarikat subsidiari	12	-
Keuntungan/(Kerugian) bersih hak pemegang-pemegang saham Syarikat Pindahan ke rizab berkanun	450,732 (268,688)	(1,666) -
Keuntungan tidak diagihkan pada awal tahun, seperti dinyatakan semula	513,720	324,325
Dividen dibayar	695,764 (38,047)	322,659 (38,047)
Keuntungan tidak diagihkan pada akhir tahun	657,717	284,612

Rancangan Perniagaan Dan Strategi

Pelan korporat dan strategi Kumpulan telah diungkapkan sejajar dengan misi untuk menjadi pemberi perkhidmatan perbankan runcit utama, dengan menyampaikan produk dan perkhidmatan yang inovatif kepada pelanggan-pelanggannya. Pada tahun lepas, Kumpulan telah memberi tumpuan kepada penyatuan perniagaan dan operasinya dengan AmBank Berhad (AmBank), cabang perbankan komersil Kumpulan AmBank. Tumpuan khas telah diberi untuk meningkatkan rangkaian cawangan-cawangan syarikat kewangan ke arah kesediaan perbankan komersil, untuk persediaan cadangan penyatuan perundungan di antara AmFinance dan AmBank. Sehingga kini, Kumpulan telah menyediakan 40 tingkap perbankan komersil di premisnya dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004 dengan sasaran untuk menyediakan 28 lagi pada pertengahan tahun 2004.

Arah Tujuan Strategi Perniagaan Kumpulan adalah:

- i. untuk mengukuhkan kedudukan Kumpulan sebagai pemberi perkhidmatan perbankan runcit utama Malaysia;
- ii. untuk membangunkan budaya yang berfokus kepada jualan dan perkhidmatan pelanggan, untuk mempertingkatkan juzuk pasaran dalam produk tunjang dan mengeratkan hubungan pelanggan;
- iii. optimumkan saluran penghantaran runcit dengan:
 - a. pemodelan semula dan mempertingkatkan cawangan-cawangan kini menuju persediaan perbankan komersil serta merasionalisasikan rangkaian cawangan bank dan kewangan; dan
 - b. mengembangkan saluran alternatif perbankan seperti rangkaian ATM/EBC dan membangunkan keupayaan perbankan mudah alih.
- iv. menjadi efektif dalam pemulihan dan pengurusan aset dengan memperkenalkan pengurusan secara proaktif dan usaha permulihan;
- v. untuk mempertingkatkan keupayaan pengurusan risiko kredit secara keseluruhan dengan mempertingkatkan model skor kredit;
- vi. memberi fokus dalam penyusunan semula saluran penghantaran runcit dan membangunkan produk pembiayaan pengguna baru; dan
- vii. melabur dalam teknologi dan sumber lain secara berterusan untuk mempertingkatkan perkhidmatan pelanggan dan kecekapan operasi dan kawalan kos demi membaiki kapasiti pendapatan.



Laporan Pengarah (Sambungan)

Tinjauan Bagi Tahun Kewangan Hadapan

Prospek ekonomi global bagi tahun 2004 semakin positif, berdasarkan kepada pengukuhan ekonomi pada setengah tahun kedua 2003. Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.2% dalam tahun 2003, melebihi sasaran awal, walaupun terdapat kesan yang memalapkan dari 'severe acute respiratory syndrome' (SARS) dan suasana geopolitikal yang membimbangkan pada awal pertengahan tahun ini.

Momentum pertumbuhan dijangka akan bertambah baik dalam 2004 kesan daripada pantulan pelaburan korporat, pengekalan penggunaan, perdagangan luaran yang bertambah baik dan dasar fiskal dan kewangan yang menggalakkan dari Bank Negara Malaysia (BNM). Prospek positif untuk tahun 2004 telah menyebabkan jangkaan pertumbuhan GDP diubah daripada 5.5% kepada 6.0% oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Selain daripada keadaan ekonomi yang bertambah baik, sokongan majoriti kepada parti pemerintah pada pilihan raya yang diadakan pada Mac 2004 telah menyingkirkan segala ketidakpastian dalam keadaan politik Malaysia.

Sektor perbankan yang kekal kukuh dan dipermodalkan dengan baik dalam tahun 2003, dianggap membayangkan prestasi ekonomi dalam tahun 2004. Kadar pertumbuhan pinjaman dijangka sejarah dengan ramalan kadar pertumbuhan GDP, dengan kekuatan berterusan dalam pasaran pembiayaan pengguna. Walaupun pembiayaan runcit kekal teguh dalam tahun 2004, kekuahan kunci kira-kira dan kualiti aset dalam sektor korporat memimpin kepada keseimbangan pendedahan korporat-runcit pada masa depan.

Kedudukan ekonomi hadapan yang optimistik dijangka akan menggalakkan sentimen perbelanjaan pengguna, ini didorong oleh jangkaan peningkatan dalam pendapatan rumah tangga. Ini adalah seiring dengan pendapatan eksport yang lebih tinggi, persekitaranan kadar faedah yang rendah, pasaran pekerjaan yang stabil dan kesan kemewahan yang positif dari harga ekuiti yang lebih tinggi. Dengan faktor-faktor ini, Kumpulan dapat melihat peluang pertumbuhan dalam sektor kredit pengguna seperti kemudahan kredit dan pembiayaan sewa-beli kendaraan pengangkutan. Kumpulan akan terus memberi fokus ke atas permintaan gadai janji harta kediaman yang kekal kukuh dengan insentif yang diberi di bawah pakej ekonomi kerajaan yang berlanjut sehingga pertengahan 2004. Kumpulan akan mempergiatkan usahanya untuk penjualan dan perkhidmatan silang atas dasar pelanggan yang bertambah demi untuk mempertingkatkan juzuk pasaran dalam produk tunjang dan mengeratkan hubungan pelanggan untuk meningkatkan pendapatan Kumpulan.

Walaupun persaingan semakin sengit dan sebaran keuntungan faedah semakin sempit, Kumpulan yakin kedudukannya adalah baik untuk mendapat manfaat daripada persekitaran ekonomi yang bertambah baik bagi terus meningkatkan prestasinya.

Butiran Bersifat Luar Biasa

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan tidak banyak terjejas oleh sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan luar biasa.

Dalam jangka masa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan luar biasa yang mungkin, pada pendapat para pengarah, menjelaskan sebahagian besar keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi dua belas bulan yang berikutnya.

Dividen

Dalam tahun kewangan, Syarikat telah membayar dividen pertama dan terakhir sebanyak 10.0%, ditolak cukai 28.0%, bagi tahun kewangan sebelumnya berjumlah RM38,046,537, yang mana telah dikemukakan dalam laporan pengarah bagi tahun kewangan tersebut dan telah dibayar pada 14 Oktober 2003 kepada pemegang-pemegang saham yang namanya tersenarai di dalam Daftar Ahli-ahli dan Rekod Pelabur-pelabur pada 29 September 2003.

Bagi tahun kewangan semasa, para pengarah kini mencadangkan pembayaran dividen pertama dan terakhir sebanyak 10.0%, ditolak cukai 28.0% berjumlah RM38,070,441 berdasarkan modal saham diterbitkan dan dibayar penuh pada 31 Mac 2004, yang akan dibayar kepada para pemegang saham yang namanya berdaftar di dalam Daftar Ahli-ahli dan Rekod Pelabur-pelabur pada tarikh yang akan ditentukan oleh Para Pengarah. Penyata kewangan untuk tahun kewangan semasa tidak menunjukkan cadangan dividen tersebut. Dividen tersebut, jika diluluskan oleh para pemegang saham, akan diambil kira di dalam dana pemegang saham sebagai agihan dari keuntungan tidak diagihkan di dalam tahun kewangan yang berikut berakhir 31 Mac 2005.

Laporan Pengarah (Sambungan)

Rizab Dan Peruntukan

Berikut adalah pindahan-pindahan penting ke atau (daripada) rizab dan peruntukan yang dibuat dalam tahun kewangan:

	Nota kepada Penyata Kewangan	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
(a) Premium Saham Timbul daripada pelaksanaan opsyen saham Syarikat	25	824	824
(b) Rizab Berkunun Pindahan daripada penyata pendapatan	25	268,688	-
(c) Peruntukan/(Masuk kira semula peruntukan): Faedah tergantung - bersih	26	259,228	-
Pendapatan tergantung - bersih	48 (d)	18,537	-
Kerugian pinjaman dan pembiayaan dan peruntukan Peruntukan am	28	16,551	-
Peruntukan tertentu - bersih	28	458,774	-
Peruntukan pengurangan nilai bagi amaun boleh dibayar balik daripada Danaharta	28	62,795	-
Peruntukan am tanggungan luar jangka		37,000	-
Pindahan ke rizab persamaan keuntungan		46,976	-
Masuk kira semula peruntukan pelbagai hutang ragu belum terima (Masuk kira semula)/Peruntukan penyusutan nilai pelaburan - bersih		(148)	-
		(17,333)	2,701

Hutang Lapuk Dan Ragu Dan Pembiayaan

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan penghapusan hutang lapuk dan pembiayaan dan peruntukan hutang ragu dan pembiayaan dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk dan pembiayaan yang dikenal pasti telah dihapus kira dan peruntukan yang secukupnya telah disediakan bagi hutang ragu dan pembiayaan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari akan adanya sebarang keadaan yang boleh menyebabkan jumlah hutang lapuk dan pembiayaan dihapus kira atau jumlah peruntukan hutang ragu dan pembiayaan bagi Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi.

Aset Semasa

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk memastikan bahawa aset semasa, selain daripada hutang dan pembiayaan, yang tidak mungkin diperolehi dalam urus niaga biasa, nilai mereka seperti ditunjukkan di dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat, telah disusutkan nilainya kepada nilai yang dianggarkan boleh didapat.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak sedar akan adanya sebarang keadaan yang boleh menyebabkan aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

Kaedah Penilaian

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak sedar akan adanya sebarang keadaan yang telah timbul yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau tanggungan yang sedia ada di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, mengelirukan atau tidak sesuai.



Laporan Pengarah (Sambungan)

Tanggungan Luar Jangka Dan Lain-Lain Tanggungan

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) sebarang cagaran ke atas aset Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin tanggungan mana-mana pihak lain; atau
- (b) sebarang tanggungan luar jangka Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan, melainkan yang ditanggung melalui operasi urus niaga biasa.

Tiada tanggungan luar jangka atau tanggungan lain yang boleh atau mungkin boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh akhir tahun kewangan yang mana, pada pendapat para pengarah akan atau mungkin memberi kesan yang besar terhadap keupayaan Kumpulan dan Syarikat menunaikan kewajipannya apabila tiba masanya.

Perubahan Keadaan

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak sedar akan adanya sebarang keadaan yang tidak diambil kira dalam laporan atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, yang boleh menyebabkan sebarang amaun dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.

Terbitan Saham Dan Debentur

Dalam tahun kewangan, modal saham Syarikat yang diterbitkan dan dibayar penuh telah meningkat daripada 528,424,120 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu kepada 528,756,120 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dengan penerbitan 332,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu pada harga antara RM3.42 hingga RM5.37 sesaham menerusi pelaksanaan opsyen saham di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja Syarikat. Premium saham yang terhasil berjumlah RM823,650 telah dikreditkan ke dalam akaun premium saham.

Syarikat tidak menerbitkan sebarang debentur baru sepanjang tahun kewangan.

Opsyen Saham

Pergerakan bilangan saham Syarikat yang belum diterbitkan di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja Syarikat (ESOS AMFB) dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu

	Baki pada 1.4.2003	Diberi	Dilaksanakan	Dilucutkan	Baki pada 31.3.2004
Bilangan saham belum diterbitkan di bawah opsyen	716,000	-	332,000	39,000	345,000

Harga opsyen untuk bilangan saham Syarikat belum diterbitkan di bawah Skim adalah seperti berikut:

Harga Opsyen (RM)	Baki pada 31.3.2004
3.40 – 4.40	300,000
4.41 – 5.40	40,000
5.41 – 6.40	5,000
	345,000

Laporan Pengarah *(Sambungan)*

Ciri-ciri utama AMFB ESOS adalah seperti berikut:

- (a) Mereka yang berkelayakan adalah para pekerja tetap termasuk para pengarah eksekutif sepenuh masa Syarikat yang telah bekerja tidak kurang daripada tiga tahun.
- (b) Jumlah bilangan saham ditawarkan tidak boleh melebihi 10.0% daripada modal yang diterbitkan dan dibayar penuh Syarikat pada sebarang masa, termasuk opsyen yang telah dilanggani dibawah skim opsyen saham pekerja Syarikat sebelum ini.
- (c) Tertakluk kepada perenggan (d) di bawah, tiada opsyen akan diberi kurang dari 1,000 saham atau lebih daripada 500,000 saham.
- (d) Jika terdapat sebarang pengubahan dalam struktur modal Syarikat kecuali pengecualian tertentu, pelarasan akan dibuat terhadap harga langganan dan/atau bilangan saham bagi opsyen yang diberi tetapi belum dilaksanakan, supaya pemegang opsyen akan berhak menerima bahagian yang sama bagi saham Syarikat yang diterbit dan dibayar penuh bernilai RM1.00 setiap satu sebelum pengubahan tersebut.
- (e) Harga opsyen bagi setiap saham biasa akan mengikut harga transaksi terakhir pasaran pada masa opsyen ditawarkan atau purata min sebut harga pasaran saham Syarikat yang disenaraikan di dalam Senarai Harian Rasmi yang dikeluarkan oleh Bursa Malaysia untuk lima hari pasaran sebelum tarikh opsyen diberi, atau pada nilai par saham Syarikat bernilai RM1.00 setiap satu, yang mana lebih tinggi.
- (f) Jangka masa maksima ESOS AMFB ialah lima tahun dan boleh diperbaharui untuk lima tahun lagi, tertakluk kepada kelulusan daripada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan.

Para Pengarah

Para pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan lalu adalah:

Tan Sri Dato' Azman Hashim
Dato' Azlan Hashim
Tun Mohammed Hanif Omar (Pengarah Bebas)
Cheah Tek Kuang
Mohamed Azmi Mahmood
Sharkawi Alis (Dilantik pada 1 April 2004) (Pengarah Bebas)
Prof. Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba (Meletak jawatan pada 19 Disember 2003)
Dato' Mohd Tahir Haji Abdul Rahim (Meletak jawatan pada 19 Disember 2003)

Mengikut Artikel 89 Tata Urusan Syarikat, Tan Sri Dato' Azman Hashim bersara dan, oleh kerana layak, menawarkan diri untuk dilantik semula.

Mengikut Artikel 97 Tata Urusan Syarikat, Sharkawi Alis yang telah dilantik ke Lembaga Pengarah sejak Mesyuarat Agung Tahunan yang lepas, bersara dan, oleh kerana layak, menawarkan diri untuk dilantik semula.



Laporan Pengarah (Sambungan)

Kepentingan Para Pengarah

Menurut Tata Urusan Syarikat, para pengarah tidak perlu memiliki saham di dalam Syarikat.

Kepentingan para pengarah dalam saham dan opsyen saham di dalam Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan, yang mana adalah pengarah pada akhir tahun kewangan seperti yang tercatat di dalam Daftar Pemegangan Saham Pengarah yang disimpan oleh Syarikat di bawah Seksyen 134, Akta Syarikat 1965, adalah seperti berikut:

Kepentingan Langsung

Dalam Syarikat

Saham	Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu			
	Baki pada 1.4.2003	Belian	Jualan	Baki pada 31.3.2004
Tan Sri Dato' Azman Hashim				
- dipegang secara langsung	211,505	-	-	211,505
- dipegang menerusi nomini	522,985	-	-	522,985
Dato' Azlan Hashim	95,952	-	-	95,952
Cheah Tek Kuang	38,000	-	-	38,000
Mohamed Azmi Mahmood	50,000	-	-	50,000

Dalam syarikat induk muktamad,
AMMB Holdings Berhad

Saham	Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu				
	Baki pada 1.4.2003	Belian	Terbitan Bonus dan Hak	Jualan	Baki pada 31.3.2004
Tan Sri Dato' Azman Hashim	1,188,422	-	594,211	1,782,633	-
Cheah Tek Kuang	217,200	140,000	178,600	50,000	485,800
Mohamed Azmi Mahmood	80,000	-	63,200	-	143,200

Bilangan Waran

Waran 2003/2008	Baki pada 1.4.2003	Belian	Terbitan Bonus dan Hak	Dilaksanakan/ Jualan	Baki pada 31.3.2004
Tan Sri Dato' Azman Hashim	149,000	-	96,793	-	245,793
Cheah Tek Kuang	28,000	-	18,189	-	46,189
Mohamed Azmi Mahmood	9,750	-	6,333	-	16,083

Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu

Opsyen saham	Baki pada 1.4.2003	Diberi	Terbitan Bonus dan Hak	Dilaksanakan	Baki pada 31.3.2004
Cheah Tek Kuang	140,000	-	-	140,000	-
Mohamed Azmi Mahmood	200,000	-	129,924	-	329,924

Opsyen saham di dalam syarikat induk muktamad, yang mempunyai opsyen bertempoh lima tahun telah diberi melalui Skim Opsyen Saham Pekerja II AMMB Holdings Berhad (Skim Kumpulan AHB) dan mereka yang diberi opsyen di bawah Skim tersebut tidak berhak untuk menvertai mana-mana skim opsyen saham pekerja syarikat lain di dalam Kumpulan.

Laporan Pengarah (Sambungan)

Kepentingan Tidak Langsung

Dalam Syarikat

Saham	Nama Syarikat	Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu			Baki pada 31.3.2004
		Baki pada 1.4.2003	Belian	Jualan	
Tan Sri Dato' Azman Hashim	AMDB Equipment Trading Sdn Bhd	241,047	-	-	241,047

Dalam syarikat induk muktamad, AMMB Holdings Berhad

Saham	Nama Syarikat	Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu				Baki pada 31.3.2004
		Baki pada 1.4.2003	Belian	Terbitan Bonus dan Hak	Jualan	
Tan Sri Dato' Azman Hashim	Arab-Malaysian Corporation Berhad	343,884,550	-	275,107,640	13,165,365	605,826,825
	AMDB Equipment Trading Sdn Bhd	110,000	-	88,000	-	198,000
	Azman Hashim Holdings Sdn Bhd	9,408,876	-	6,918,343	10,613,314	5,713,905
	Slan Sdn Bhd	398,316	-	199,158	597,474	-
	Ginagini Sdn Bhd	17,330,749	-	7,525,374	12,671,314	12,184,809
	Regal Genius Sdn Bhd	-	14,500,000	11,600,000	4,350,000	21,750,000

Waran 1997/2007	Nama Syarikat	Bilangan Waran				Baki pada 31.3.2004
		Baki pada 1.4.2003	Belian	Terbitan Bonus dan Hak	Dilaksanakan/ Jualan	
Tan Sri Dato' Azman Hashim	Arab-Malaysian Corporation Berhad	16,231,498	-	-	16,231,498	-
	Arab-Malaysian Corporation Berhad	45,594,942	-	29,619,386	-	75,214,328
	AMDB Equipment Trading Sdn Bhd	13,750	-	8,932	-	22,682
	Azman Hashim Holdings Sdn Bhd	2,026,109	-	1,316,200	-	3,342,309
	Slan Sdn Bhd	49,789	-	32,343	-	82,132
	Ginagini Sdn Bhd	2,391,734	-	1,553,717	-	3,945,451
	Indigenous Capital Sdn Bhd	-	170,000	110,435	-	280,435
	Regal Genius Sdn Bhd	-	1,812,500	1,179,436	-	2,991,936



Laporan Pengarah (Sambungan)

Kepentingan Tidak Langsung

Dalam syarikat berkaitan,
AmAssurance Berhad

Saham	Nama Syarikat	Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu			Baki pada 31.3.2004
		Baki pada 1.4.2003	Belian	Jualan	
Dato' Azlan Hashim	ABH Holdings Sdn Bhd	34,062,000	-	-	34,062,000

Mengikut pemegangan saham para pengarah dalam syarikat induk, mereka dianggap mempunyai kepentingan dalam Syarikat dan syarikat-syarikat yang berkaitan.

Ganjaran Para Pengarah

Sejak akhir tahun kewangan lalu, tiada sesiapa di antara para pengarah Syarikat yang menerima atau layak menerima apa pun ganjaran (selain daripada ganjaran yang termasuk dalam jumlah ganjaran pengarah yang diterima atau akan diterima oleh para pengarah, seperti yang dinyatakan di dalam penyata kewangan, atau gaji tetap seorang pekerja penuh masa Syarikat), disebabkan perjanjian yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat-syarikat berkaitan dengan para pengarah atau dengan firma di mana beliau adalah ahli atau syarikat di mana pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara, kecuali untuk urus niaga berkaitan yang dinyatakan dalam Nota 31 kepada Penyata Kewangan.

Selain dari manfaat di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja, pihak Syarikat tidak terlibat dalam sebarang urusan semasa atau pada akhir tahun kewangan bertujuan bagi membolehkan para pengarah menerima manfaat melalui perolehan saham atau debentur Syarikat atau lain-lain badan korporat.

Syarikat Induk Muktamad

Para pengarah menganggap AMMB Holdings Berhad, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan disebut harga di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (dahulunya dikenali sebagai Malaysia Securities Exchange Berhad), sebagai syarikat induk dan syarikat induk muktamad.

Penarafan Oleh Agensi Luar

Syarikat telah ditarafkan P1 dan A2 untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang masing-masing oleh Rating Agency Malaysia Berhad. Bon Bersubordinat, Boleh Tebus dan Tidak Bercagar Kumpulan sebanyak RM200.0 juta diberi penarafan jangka panjang A3 oleh Rating Agency Malaysia Berhad.

Juruaudit

Juruaudit Tetuan Deloitte KassimChan, telah menyatakan bahawa mereka tidak akan meminta untuk perlantikan semula pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah
menurut resolusi para pengarah,



TAN SRI DATO' AZMAN HASHIM

Kuala Lumpur
31 Mei 2004



MOHAMED AZMI MAHMOOD

Laporan Juruaudit Kepada Ahli-ahli

Kami telah mengaudit lampiran kunci kira-kira pada 31 Mac 2004 dan penyata pendapatan, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran wang tunai bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut. Penyediaan penyata kewangan adalah tanggungjawab para pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami hanya memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan audit kami.

Kami telah menjalankan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami membuat perancangan dan melaksanakan audit untuk memperolehi maklumat dan keterangan, di mana kami anggap perlu untuk menyediakan bukti bagi memberi jaminan yang berpatutan bahawa penyata kewangan adalah bebas daripada kenyataan salah yang ketara. Pengauditan merangkumi pemeriksaan dengan menggunakan asas ujian, bukti yang menyokong aman dan pendedahan yang dinyatakan dalam penyata kewangan. Pengauditan juga termasuk penilaian penggunaan prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh para pengarah Syarikat serta penilaian-penilaian keseluruhan pembentangan penyata kewangan. Kami yakin pengauditan kami memberi asas yang munasabah untuk pendapat kami.

Pada pendapat kami,

- (a) penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan sempurna mengikut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 dengan pengubahaui dan pengecualian sebagaimana yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia, berdasarkan Seksyen kecil (19) Seksyen 169 Akta tersebut bagi syarikat subsidiari kewangan dan piawaian-piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia supaya memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang:
 - (i) kedudukan urusan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2004 dan keputusan serta aliran wang tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut; dan
 - (ii) perkara-perkara yang dikehendaki oleh Seksyen 169 Akta tersebut yang perlu diuruskan dalam penyata kewangan dan penyata kewangan disatukan; dan
- (b) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain, termasuk buku-buku daftar yang perlu disimpan di bawah Akta tersebut oleh Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiari telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana dikehendaki oleh kami bagi tujuan-tujuan tersebut.

Laporan juruaudit bagi penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari tersebut tidak tertakluk kepada sebarang pembatasan dan tidak mengandungi sebarang teguran dibuat di bawah Seksyen Kecil (3) Seksyen 174 Akta tersebut.

DELOTTE KASSIMCHAN
AF 0080
Aktauntan Berpiagam

ROSITA TAN
1874/9/04 (J)
Rakan Kongsi

31 Mei 2004



Kunci Kira-Kira

Pada 31 Mac 2004

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
ASET				
Wang tunai dan dana jangka pendek	4	3,067,437	2,665,991	12,670
Pembelian sekuriti bawah perjanjian jual-balik	5	-	355	-
Deposit dengan institusi kewangan	6	19,265	18,594	35
Sekuriti perniagaan	7	307,000	188,623	50,941
Sekuriti pelaburan	8	1,918,590	2,310,621	-
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	9	25,990,364	25,101,937	-
Lain-lain aset	10	271,004	314,610	18
Ihsan berpunca dari penyatuan	11	96,896	102,354	-
Aset pencukaian tertunda	34	701,236	646,116	-
Deposit berkanun dengan				
Bank Negara Malaysia	12	923,736	900,746	-
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	13	-	-	1,638,354
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	14	306	172	-
Harta dan kelengkapan	15	424,599	439,349	-
JUMLAH ASET		33,720,433	32,689,468	1,702,018
TANGGUNGAN DAN DANA PEMEGANG SAHAM				
Deposit daripada pelanggan	16	20,411,792	19,609,195	-
Deposit bank dan lain-lain institusi kewangan	17	5,063,411	5,109,140	-
Jualan sekuriti bawah perjanjian beli-balik	18	274,991	305,470	-
Amaun terhutang kepada Cagamas Berhad	19	3,675,607	4,018,930	-
Lain-lain tanggungan	20	867,346	833,276	920
Pinjaman berjangka bersubordinat	21	680,000	680,000	-
Bon bersubordinat boleh tebus dan				
tidak bercagar	22	200,000	-	-
Jumlah Tanggungan		31,173,147	30,556,011	920
Kepentingan minoriti	23	103	115	-
Modal saham	24	528,756	528,424	528,756
Rizab	25	2,018,427	1,604,918	1,172,342
Dana Pemegang Saham		2,547,183	2,133,342	1,701,098
JUMLAH TANGGUNGAN DAN DANA PEMEGANG SAHAM		33,720,433	32,689,468	1,702,018
PENGLIBATAN DAN TANGGUNGAN LUAR JANGKA	37	4,361,007	4,411,202	-
ASET KETARA BERSIH SESAHAM (RM)	40	4.63	3.84	3.22

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan.

Penyata Pendapatan

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2004

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
Pendapatan faedah	26	2,036,029	2,169,674	12,883	303,479
Perbelanjaan faedah	27	(953,491)	(1,031,762)	(7,859)	(143,379)
Pendapatan faedah bersih		1,082,538	1,137,912	5,024	160,100
Pendapatan daripada Perniagaan Perbankan Islam	48 (t)	264,655	89,776	-	15,373
Kerugian pinjaman dan pembiayaan dan peruntukan	28	1,347,193	1,227,688	5,024	175,473
(369,036)		(496,561)		-	(46,443)
Pendapatan/(perbelanjaan) bukan faedah	29	978,157	731,127	5,024	129,030
Masuk kira semula/(Peruntukan) penyusutan nilai pelaburan - bersih		40,112	39,210	(527)	7,060
Pindahan ke rizab persamaan keuntungan		17,333	34,588	(2,701)	-
Masuk kira semula peruntukan pelbagai hutang ragu belum terima		(46,976)	(5,024)	-	(1,369)
(Peruntukan am)/Masuk kira semula peruntukan am tanggungan luar jangka		148	-	-	-
(37,000)		16,000		-	-
Kos kakitangan dan overhead	30	951,774	815,901	1,796	134,721
		(531,951)	(504,760)	(570)	(74,868)
Keuntungan sebelum bahagian keputusan syarikat bersekutu dan pencukaian		419,823	311,141	1,226	59,853
Bahagian keputusan syarikat bersekutu		209	92	-	-
Keuntungan sebelum pencukaian	33	420,032	311,233	1,226	59,853
Pencukaian		30,688	22,957	(2,892)	(5,720)
Keuntungan/(Kerugian) sebelum kepentingan minoriti		450,720	334,190	(1,666)	54,133
Kepentingan pemegang-pemegang saham minoriti dalam keputusan syarikat-syarikat subsidiari		12	5	-	-
Keuntungan/(Kerugian) bersih hak pemegang-pemegang saham dalam Syarikat		450,732	334,195	(1,666)	54,133
Pendapatan/(Kerugian) bagi sesaham (sen):	36				
- Asas		85.3	62.8	(0.3)	9.3
- Tercair		85.2	62.8	(0.3)	9.3
Dividen Pertama dan Terakhir					
Sesaham Biasa (sen)	35				
- Kasar		10.0	10.0	10.0	10.0
- Bersih		7.2	7.2	7.2	7.2

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan.



Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2004

Kumpulan	Nota	Tidak boleh diagihkan			Boleh diagihkan		
		Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab berkanun RM'000	Rizab am RM'000	Keuntungan-tidak diagihkan RM'000	Jumlah RM'000
Baki pada 1 April 2002							
Dinyatakan sebelum ini Pelarasan tahun lepas	47	472,781	179,601	309,869	2,500	274,244 132,430	1,238,995 132,430
Dinyatakan semula Pindahan daripada rizab am kepada keuntungan tidak diagihkan		472,781	179,601	309,869	2,500	406,674	1,371,425
Timbul daripada pelaksanaan opsyen saham	85	-	-	-	(2,500)	2,500	-
Timbul daripada pengubahan ICULS 1997/2002		55,558	206	-	-	-	291
Pindahan daripada penyata pendapatan ke rizab berkanun		-	-	190,390	-	(190,390)	-
Keuntungan bagi tahun		-	-	-	-	334,195	334,195
Faedah ICULS		-	-	-	-	(5,219)	(5,219)
Dividen dibayar		-	-	-	-	(34,040)	(34,040)
Baki pada 31 Mac 2003		528,424	590,939	500,259	-	513,720	2,133,342
Baki pada 1 April 2003							
Dinyatakan sebelum ini Pelarasan tahun lepas	47	528,424	590,939	500,259	-	404,883 108,837	2,024,505 108,837
Dinyatakan semula Timbul daripada pelaksanaan opsyen saham		528,424	590,939	500,259	-	513,720	2,133,342
Pindahan daripada penyata pendapatan kepada rizab berkanun		332	824	-	-	-	1,156
Keuntungan bagi tahun		-	-	268,688	-	(268,688)	-
Dividen dibayar		-	-	-	-	450,732 (38,047)	450,732 (38,047)
Baki pada 31 Mac 2004		528,756	591,763	768,947	-	657,717	2,547,183

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan.

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti (Sambungan)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2004

Syarikat	Nota	Tidak boleh diagihkan			Boleh diagihkan		
		Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab berkanun RM'000	Rizab am RM'000	Keuntungan tidak diagihkan RM'000	Jumlah RM'000
Baki pada 1 April 2002							
Dinyatakan sebelum ini Pelarasan tahun lepas	47	472,781	179,601	295,967	2,500	272,911 34,040	1,223,760 34,040
Dinyatakan semula Pindahan daripada rizab am kepada keuntungan tidak diagihkan		472,781	179,601	295,967	2,500	306,951	1,257,800
Timbul daripada pelaksanaan opsyen saham		-	-	-	(2,500)	2,500	-
Timbul daripada pengubahan ICULS 1997/2002	85	85	206	-	-	-	291
Keuntungan bagi tahun		55,558	411,132	-	-	-	466,690
Faedah ICULS		-	-	-	-	54,133	54,133
Dividen dibayar		-	-	-	-	(5,219)	(5,219)
						(34,040)	(34,040)
Baki pada 31 Mac 2003		528,424	590,939	295,967		324,325	1,739,655
Baki pada 1 April 2003		528,424	590,939	295,967		324,325	1,739,655
Timbul daripada pelaksanaan opsyen saham		332	824	-	-	-	1,156
Keuntungan bagi tahun		-	-	-	-	(1,666)	(1,666)
Dividen dibayar		-	-	-	-	(38,047)	(38,047)
Baki pada 31 Mac 2004		528,756	591,763	295,967		284,612	1,701,098

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan.



Penyata Aliran Wang Tunai

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2004

	Kumpulan		Syarikat	
	2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
ALIRAN WANG TUNAI DARI KEGIATAN OPERASI				
Keuntungan sebelum pencukaian Campur/(Tolak) pelarasan:	420,032	311,233	1,226	59,853
Kerugian pinjaman dan pembiayaan dan peruntukan	369,036	496,561	-	46,443
Faerah tergantung bersih selepas bayaran balik	259,228	404,047	-	43,688
Susut nilai harta dan kelengkapan	54,317	84,896	-	3,154
Pindahan ke rizab persamaan keuntungan	46,976	5,024	-	1,369
Peruntukan/(Masuk kira semula peruntukan am) untuk tanggungan luar jangka	37,000	(16,000)	-	-
Pendapatan tergantung bersih selepas bayaran balik	18,537	38,968	-	1,617
Pelunasan ihsan berpunca dari penyatuan	5,458	5,460	-	-
Kerugian/(Keuntungan) jualan pelaburan disebut harga - bersih	5,111	9,636	787	(27)
Peruntukan penyusutan nilai harta-harta dirampas	4,464	-	-	-
Kerugian/(Keuntungan) jualan sekuriti pelaburan - bersih	3,949	(8,615)	-	(2,547)
Harta dan kelengkapan dihapus kira	145	474	-	-
Pelunasan premium tolak pertambahan diskaun - bersih	(21,607)	6,612	-	1,581
(Masuk kira semula peruntukan)/Peruntukan penyusutan nilai sekuriti disebut harga	(17,333)	(34,588)	2,701	-
Pendapatan dividen kasar	(10,169)	(4,409)	-	(338)
Keuntungan jualan harta dan kelengkapan	(1,134)	(5)	-	-
Bahagian keuntungan syarikat bersekutu	(209)	(92)	-	-
Masuk kira semula peruntukan pelbagai hutang ragu belum terima	(148)	-	-	-
Keuntungan jualan aset pajakan	(8)	(14)	-	(1)
Keuntungan jualan harta pembangunan	-	(50)	-	-
Keuntungan jualan sekuriti perniagaan	-	(79)	-	(79)
Keuntungan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja (Pertambahan)/Pengurangan Aset Operasi:	1,173,645	1,299,059	4,714	154,713
Deposit dengan institusi kewangan	(671)	492,626	(35)	1,600
Pembelian sekuriti bawah perjanjian jual-balik	355	(355)	355	(355)
Sekuriti perniagaan	(192,039)	(115,669)	61,319	(115,669)
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	(1,535,228)	(3,132,483)	-	(849,890)
Lain-lain aset	48,598	9,558	11,038	(11,037)
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	(22,990)	(11,021)	-	(7,269)
Pertambahan/(Pengurangan) Tanggungan Operasi:				
Deposit daripada pelanggan	802,597	17,368	-	(22,086)
Deposit bank dan lain-lain institusi kewangan	(45,729)	594,656	-	(76,152)
Jualan sekuriti bawah perjanjian beli-balik	(30,479)	305,470	-	-
Amaun terhutang kepada Cagamas Berhad	(343,323)	515,634	-	598,934
Lain-lain tanggungan	222,400	85,553	(3,568)	(92,945)
Wang Tunai Diwujudkan Dari/ (Digunakan Dalam) Operasi	77,136	60,396	73,823	(420,156)
Pembayaran cukai	(24,747)	(35,024)	(2,737)	(15,342)
Wang Tunai Bersih Diwujudkan Dari/ (Digunakan Dalam) Kegiatan Operasi	52,389	25,372	71,086	(435,498)

Penyata Aliran Wang Tunai *(Sambungan)*

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2004

	Kumpulan		Syarikat	
	2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
ALIRAN WANG TUNAI DARI KEGIATAN PELABURAN				
Perolehan dari jualan sekuriti pelaburan	495,573	618,404	-	65,135
Perolehan dari bon bersubordinat boleh tebus dan tidak bercagar	200,000	-	-	-
Dividen diterima - bersih	7,322	3,174	-	243
Perolehan dari jualan harta dan kelengkapan	1,243	12	-	-
Perolehan dari jualan aset pajakan	8	14	-	1
Perolehan dari pembayaran nota pinjaman bersubordinat	-	-	250,000	-
Pembelian harta dan kelengkapan	(46,283)	(36,215)	-	(22,004)
Aliran wang tunai keluar bersih daripada perletakan hak aset dan tanggungan kepada AmFinance (Nota 1)	-	-	-	(1,066,907)
Wang Tunai Bersih Diwujudkan Dari/ (Digunakan Dalam) Kegiatan Pelaburan	657,863	585,389	250,000	(1,023,532)
ALIRAN WANG TUNAI DARI KEGIATAN KEWANGAN				
Perolehan dari penerbitan saham	1,156	310	1,156	310
Dividen dibayar	(38,047)	(34,040)	(38,047)	(34,040)
Bayaran kepada Danamodal	(271,915)	-	(271,915)	-
Faedah dibayar	-	(5,219)	-	(5,219)
Wang Tunai Bersih Digunakan Dalam Kegiatan Kewangan	(308,806)	(38,949)	(308,806)	(38,949)
Pertambahan/(Pengurangan) Bersih Wang Tunai Dan Kesamaan Wang Tunai	401,446	571,812	12,280	(1,497,979)
Wang Tunai dan Kesamaan Wang Tunai Pada Awal Tahun	2,665,991	2,094,179	390	1,498,369
Wang Tunai dan Kesamaan Wang Tunai Pada Akhir Tahun (Nota 4)	3,067,437	2,665,991	12,670	390

Penyata Aliran Wang Tunai *(Sambungan)*

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2004

Nota 1: Pindahan Aset dan Tanggungan kepada Syarikat Subsidiari Kewangan, AmFinance Berhad (AmFinance)

Ringkasan kesan ke atas aliran wang tunai Syarikat daripada pindahan aset dan tanggungan kepada AmFinance daripada Syarikat pada tarikh arahan letak hak, 15 Jun 2002 adalah seperti berikut:

	RM'000
Pindahan aset bersih:	
Wang tunai dan dana jangka pendek	1,066,907
Deposit dengan institusi kewangan	100,900
Sekuriti pelaburan	1,394,432
Pelunasan premium dari sekuriti pelaburan	(4,354)
Peruntukan penyusutan nilai sekuriti pelaburan	(78,433)
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	17,570,845
Peruntukan am hutang lapuk dan ragu dan pembiayaan	(256,572)
Peruntukan tertentu hutang lapuk dan ragu dan pembiayaan	(490,249)
Faedah tergantung	(636,832)
Lain-lain aset	263,081
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	100
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	549,557
Harta dan kelengkapan - Kos	176,841
Harta dan kelengkapan - Susut nilai terkumpul	(95,025)
Deposit daripada pelanggan	(10,212,581)
Deposit bank dan lain-lain institusi kewangan	(3,463,312)
Amaun terhutang kepada Cagamas Berhad	(4,102,230)
Pinjaman berjangka bersubordinat	(180,000)
Lain-lain tanggungan	(444,720)
 Aset bersih dipindahkan	 1,158,355
Tolak : Nilai pembelian dibayar:	
Terbitan saham-saham	(908,355)
Terbitan nota pinjaman bersubordinat	(250,000)
 Tolak: Wang tunai dan dana jangka pendek	 (1,066,907)
 Aliran wang tunai - bersih	 (1,066,907)

Nota 2: Wang Tunai dan Kesamaan Wang Tunai

Bagi tujuan penyata aliran wang tunai, wang tunai dan kesamaan wang tunai meliputi wang tunai dan dana jangka pendek seperti yang tercatat dalam Nota 4.

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan.

Nota-Nota Penyata Kewangan

1. Kegiatan Utama

Kegiatan utama Syarikat adalah sebagai syarikat pemegangan pelaburan.

Kegiatan utama syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu telah didedahkan dalam Nota 13 dan Nota 14 masing-masing.

Tiada terdapat sebarang perubahan penting di dalam kegiatan Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan.

2. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata kewangan bagi Kumpulan dan Syarikat telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah untuk terbitan pada 5 Mei 2004.

Penyata Kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan menurut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan, 1989, dan piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). Penyata kewangan Kumpulan juga meliputi kegiatan Perniagaan Perbankan Islam yang dijalankan oleh Kumpulan.

Perniagaan Perbankan Islam secara amnya merujuk kepada penerimaan deposit dan tawaran pembiayaan di bawah dasar Syariah. Segala urus niaga Perniagaan Perbankan Islam telah diambil kira mengikut asas akruan berdasarkan semakan Garis Panduan 8, Garis Panduan Contoh Penyata Kewangan Untuk Institusi Kewangan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Kedudukan kewangan pada 31 Mac 2004 dan keputusan urus niaga Perniagaan Perbankan Islam Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut dibentangkan dalam Nota 48.

3. Dasar-Dasar Penting Perakaunan

Kumpulan dan Syarikat telah menyerap polisi perakaunan secara teratur dengan nilai-nilai serapan dalam tahun lepas kecuali untuk serapan berikut:

- (a) Piawaian baru oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) berikut yang berkuatkuasa dalam tahun kewangan semasa.
 - (i) MASB 25, Cukai Pendapatan diambil kira secara retrospektif. Perbandingan angka telah dinyatakan semula untuk menggambarkan kesan perubahan polisi perakaunan.
 - (ii) MASB 27, Kos Pinjaman. Serapan tidak memberi apa-apa kesan ke atas penyata kewangan kerana polisi perakaunan tahun lepas adalah sejajar dengan piawaian yang ditetapkan.
 - (iii) MASB 28, Pemberhentian Operasi. Serapan tidak memberi apa-apa kesan ke atas penyata kewangan.
 - (iv) MASB 29, Manfaat-Manfaat Pekerja diambil kira secara prospektif. Serapan tidak memberi apa-apa kesan penting ke atas penyata kewangan kerana polisi perakaunan tahun lepas adalah sejajar dengan piawaian yang ditetapkan.
 - (v) MASB i-1, Perbentangan Penyata Kewangan Institusi Kewangan Islam. Serapan telah menghasilkan pendedahan tambahan bagi perniagaan Perbankan Islam Kumpulan.
- (b) Surat Pekeliling dari Bank Negara Malaysia bertarikh 4 Julai 2003 dan Surat Pekeliling Penyemakan bertarikh 8 Ogos 2003 mengenai pengolahan perakaunan ke atas yuran pengedalian yang dibayar kepada peniaga-peniaga kenderaan bermotor untuk pinjaman sewa beli (Surat Pekeliling BNM ke atas Yuran Pengendalian) telah diambil kira secara prospektif.

MASB 30, Perakaunan dan Laporan oleh Pelan Ganjaran Bersara tidak diserap kerana tidak berkaitan dengan Kumpulan dan Syarikat.

Kesan serapan MASB 25, Cukai Pendapatan atas pengukuran dan pengiktirafan aset pencukaian tertunda dan/atau tanggungan pencukaian tertunda yang diambil kira secara retrospektif, yang mana kesan ke atas baki awal keuntungan tidak diagihkan bagi Kumpulan dan Syarikat telah diringkaskan sebagai pelarasian tahun lepas dalam Penyata Perubahan dalam Ekuiti dan maklumat lanjut didedahkan dalam Nota 47.



Nota-Nota Penyata Kewangan (*Sambungan*)

Asas Perakaunan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah.

Asas Penyatuan

Penyata kewangan Kumpulan meliputi penyata kewangan Syarikat dan kesemua syarikat subsidiari seperti disenaraikan dalam Nota 13 dan disediakan sehingga akhir tahun kewangan.

Syarikat menggunakan kaedah pengambilalihan untuk menyediakan penyata kewangan disatukan. Di bawah kaedah pengambilalihan, keputusan syarikat-syarikat subsidiari yang diambilalih atau dijual sepanjang tahun kewangan telah disertakan di dalam penyata kewangan Kumpulan dari tarikh efektif pengambilalihan atau hingga tarikh efektif penjualan, mana yang berkaitan. Lebihan kos terhadap pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari ke atas bahagian aset bersih syarikat-syarikat subsidiari pada tarikh pengambilalihan dikira sebagai ihsan berpunca dari penyatuan. Kepentingan minoriti dinyatakan mengikut bahagian minoriti ke atas nilai saksama aset dan tanggungan yang diiktiraf.

Semua urus niaga dan baki penting antara syarikat serta keuntungan yang tidak direalisasi yang dihasilkan dihapus kira apabila disatukan. Kerugian tidak direalisasi yang timbul daripada urus niaga antara syarikat telah dihapus kira selain daripada urus niaga antara syarikat yang tidak dapat dibayar balik.

Perjanjian Pembelian Balik

Pembelian sekuriti bawah perjanjian jual balik adalah sekuriti yang dibeli oleh Kumpulan dengan komitmen untuk menjual balik pada masa hadapan. Komitmen untuk menjual balik sekuriti tersebut direkodkan sebagai aset di dalam kunci kira-kira.

Sebaliknya, tanggungan ke atas sekuriti yang dijual di bawah perjanjian belian balik adalah sekuriti yang dijual oleh Kumpulan daripada portfolionya, dengan komitmen untuk membeli balik pada masa hadapan bagi tujuan pendanaan. Nilai yang mengiringi sekuriti perjanjian pembelian balik tetap di dalam akaun aset masing-masing, sementara kewajipan membeli balik sekuriti pada harga dipersetujui dan pada tarikh masa hadapan yang ditentukan diambil kira sebagai tanggungan dalam kunci kira-kira.

Sekuriti Perniagaan

Sekuriti perniagaan adalah sekuriti pasaran dibeli dan dipegang dengan tujuan untuk dijual semula dalam masa jangka pendek dan dinyatakan pada kos atau nilai pasaran, yang mana lebih rendah berdasarkan portfolio.

Pindahan daripada sekuriti perniagaan ke pelaburan, jika ada, dilaksanakan dengan menggunakan nilai kos buku atau nilai pasaran, yang mana lebih rendah.

Sekuriti Pelaburan

Sekuriti pelaburan adalah sekuriti dibeli dan dipegang untuk hasil atau pertumbuhan modal atau untuk memenuhi keperluan minimum aset mudah cair menurut Seksyen 38, Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan, 1989 dan biasanya dipegang sehingga matang.

Sekuriti Kerajaan Malaysia, Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia, Bon Cagamas dan lain-lain sekuriti kerajaan serta sekuriti hutang persendirian yang dijamin oleh bank dinyatakan pada kos setelah pelarasan untuk pelunasan premium atau peningkatan diskau. Lain-lain sekuriti hutang persendirian dinyatakan pada kos atau nilai pasaran, yang mana lebih rendah.

Lain-lain sekuriti pelaburan dinyatakan pada kos dan peruntukan akan dibuat bila terdapat sebarang penyusutan nilai yang kekal.

Pindahan daripada sekuriti pelaburan ke perniagaan, jika ada, dilaksanakan dengan menggunakan nilai kos buku atau nilai pasaran, yang mana lebih rendah.

Nota-Nota Penyata Kewangan (Sambungan)

Peruntukan Hutang Ragu Dan Pembiayaan

Berdasarkan pada penilaian pihak pengurusan ke atas portfolio pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, peruntukan tertentu hutang ragu dan pembiayaan disediakan apabila kemungkinan kutipan tidak dapat ditentukan. Untuk penilaian kemungkinan kutipan, pihak pengurusan menimbangkan beberapa faktor seperti keadaan kewangan peminjam, anjuran aliran wang tunai, pengurusan, kualiti cagaran atau jaminan bagi hutang belum diterima serta keadaan ekonomi semasa dan dijangkakan.

Peruntukan am juga disediakan berasaskan pada peratusan yang ditetapkan bagi pertambahan bersih hutang dan pembiayaan belum diterima. Peratusan ini dikaji setiap tahun berdasarkan pengalaman di masa lampau dan keadaan semasa dan jika perlu, pelarasan dibuat pada peruntukan am keseluruhannya.

Pinjaman atau pembiayaan yang tidak boleh dipungut atau sebahagian daripadanya yang dikelaskan sebagai lapuk adalah dihapus kira selepas mengambil kira nilai realisasi cagaran, jika ada, apabila pengurusan berpendapat tiada peluang untuk memungutnya.

Polisi perakaunan hutang lapuk dan ragu adalah mematuhi keperluan minima yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia di dalam Garis Panduan Klasifikasi Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Hutang Lapuk dan Ragu.

Penghutang Perniagaan Dan Lain-Lain Penghutang

Penghutang perniagaan dan lain-lain penghutang dinyatakan pada nilai buku selepas ditolak peruntukan-peruntukan yang bersesuaian untuk amaun yang tidak dapat dipungut. Peruntukan untuk hutang ragu adalah berasaskan anggaran kemungkinan kerugian yang mungkin timbul dari akaun akan diterima yang tertentu, yang tidak dapat dikutip.

Harta-Harta Dirampas

Harta-harta dirampas yang diperolehi dalam hutang dibayar secara penuh atau sebahagian dinyatakan pada kos tolak peruntukan penyusutan nilai harta tersebut, jika ada.

Amaun Boleh Dibayar Balik Daripada Danaharta Nasional Berhad (Danaharta)

Ini adalah berkaitan dengan penjualan pinjaman kepada Danaharta di mana jumlah ganjaran diterima dalam dua bahagian; apabila pinjaman dijual (ganjaran awal) dan apabila pinjaman dibayar balik (ganjaran akhir). Amaun ganjaran akhir merupakan bahagian Kumpulan yang ditentukan terlebih dahulu ke atas lebihan daripada ganjaran awal apabila pinjaman dan pembiayaan dibayar balik.

Perbezaan di antara nilai kos buku pinjaman dan ganjaran awal adalah dikenali sebagai 'Amaun boleh dibayar balik daripada Danaharta' di dalam komponen 'Lain-lain Aset' dalam kunci kira-kira disatukan. Peruntukan ke atas amaun ini disediakan untuk membayangkan penilaian para pengarah ke atas nilai realisasi untuk ganjaran akhir pada tarikh kunci kira-kira.

Ihsan Berpunca Dari Penyatuan

Ihsan berpunca dari penyatuan mewakili lebihan harga pembelian terhadap bahagian atas nilai saksama untuk aset bersih syarikat-syarikat subsidiari pada tarikh pengambilalihan.

Ihsan berpunca dari penyatuan akan dianggap sebagai aset dan pada umumnya dilunaskan sepanjang tempoh dua puluh lima tahun.

Bila terdapat tanda-tanda yang menunjukkan kemerosotan akan terjadi, nilai buku untuk ihsan akan dikaji dan diturunkan nilai serta mata ke amaun boleh terimanya.

Pelaburan Dalam Syarikat-Syarikat Subsidiari

Syarikat-syarikat subsidiari adalah syarikat-syarikat di mana Kumpulan berkuasa untuk mengawal polisi kewangan dan operasi bagi mendapatkan manfaat dari aktiviti-aktiviti mereka.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari yang dihapus kira apabila disatukan, dinyatakan dalam penyata kewangan Syarikat pada kos, dan diturunkan nilai apabila para pengarah mendapati terdapat kerugian kemerosotan nilai selain daripada pengurangan nilai sementara pelaburan tersebut. Kerugian kemerosotan nilai tersebut dicajkan ke dalam penyata pendapatan.



Nota-Nota Penyata Kewangan (Sambungan)

Pelaburan Dalam Syarikat-Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah syarikat di mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang antara 20% hingga 50% di mana Kumpulan mampu mempengaruhi pengurusan syarikat berkenaan.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos, dan diturunkan nilai apabila para pengarah mendapat terdapat kerugian kemerosotan nilai selain daripada pengurangan nilai sementara pelaburan tersebut. Kerugian kemerosotan nilai adalah dicaj ke penyata pendapatan. Dalam penyata kewangan disatukan, keputusan syarikat-syarikat bersekutu diambil kira di bawah kaedah ekuiti di mana bahagian keuntungan selepas pengambilalihan untuk Kumpulan ditolak kerugian daripada syarikat-syarikat bersekutu adalah termasuk di dalam penyata pendapatan disatukan dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos dan dicampur pelarasaran-pelarasaran bagi mencerminkan perubahan dalam bahagian Kumpulan atas aset bersih syarikat-syarikat bersekutu di dalam kunci kira-kira disatukan.

Harta, Kelengkapan Dan Susut Nilai

Harta dan kelengkapan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai.

Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penjualan sesuatu aset ditentukan sebagai perbezaan di antara perolehan penjualan bersih yang dianggarkan dan nilai buku aset, dan akan direkodkan dalam penyata pendapatan.

Nilai buku harta dan kelengkapan akan dikaji pada setiap tarikh kunci kira-kira untuk menentukan samada terdapat tanda-tanda kemerosotan aset. Kerugian kemerosotan akan direkodkan apabila nilai buku harta dan kelengkapan melebihi amaun yang diterima.

Tiada susut nilai diperuntukkan bagi tanah milik bebas dan harta belum siap. Tanah pegangan pajak jangka pendek disusut nilai mengikut jangka hayat pajakan 5 hingga 49 tahun. Tanah pegangan pajak jangka panjang disusut nilai mengikut jangka hayat pajakan 50 hingga 800 tahun. Susut nilai harta dan kelengkapan lain dikira menggunakan kaedah sama rata pada kadar-kadar berdasarkan anggaran hayat kegunaan masing-masing.

Kadar susut nilai tahunan bagi pelbagai jenis harta dan kelengkapan adalah seperti berikut:

Bangunan	2% atau sepanjang tempoh pajakan jangka pendek di antara 5 sehingga 49 tahun.
Pembaikan pegangan pajak	20%
Kelengkapan pejabat	10% - 20%
Perabot dan perkasas	25%
Peralatan komputer dan perisian	20% - 33 $\frac{1}{3}$ %
Kenderaan bermotor	20%

Aset Dibeli Di Bawah Pajakan

Aset dibeli di bawah pajakan di mana terdapat pemindahan manfaat dan risiko pemilikan yang sebenar kepada penerima pajakan akan dipermodalkan sebagai harta dan kelengkapan. Aset dan kewajipan sewaan berkenaan telah direkodkan pada nilai semasa pembayaran sewa minima atau nilai berpatutan aset pajakan pada tempoh permulaan pajakan, yang mana lebih rendah.

Pajakan yang tidak memenuhi syarat-syarat tersebut dikelaskan sebagai pajakan operasi dan sewa berkenaan telah dikenakan kepada penyata pendapatan.

Pada masa pajakan operasi ditamatkan sebelum penghabisan tempoh pajakan, sebarang bayaran penalti yang dibuat oleh pemberi pajak direkod sebagai perbelanjaan pada tempoh di mana penamatkan pajakan berlaku.

Pada 31 Mac 2004, Kumpulan dan Syarikat tidak mempunyai aset dibeli di bawah pajakan.

Nota-Nota Penyata Kewangan (Sambungan)

Kemerosotan Aset

Nilai buku aset akan dikaji untuk kemerosotan apabila terdapat tanda-tanda yang aset tersebut mungkin akan dirosotkan. Kemerosotan akan dikira dengan membandingkan nilai buku aset dengan amaun boleh diterima. Amaun tersebut adalah nilai realisasi dan nilai sedang digunakan, yang mana lebih tinggi, adalah dikira dengan merujuk kepada aliran wang tunai masa hadapan yang sudah didiskaun. Amaun diterima akan dianggarkan untuk setiap aset atau jika tidak mungkin, untuk unit yang menghasilkan wang tunai.

Kerugian kemerosotan akan dicajkan ke penyata pendapatan serta merta, kecuali aset tersebut direkodkan dengan amaun penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan untuk aset yang dinilai semula akan dianggap sebagai penurunan penilaian semula setakat lebihan penilaian semula untuk aset yang sama yang sudah diiktiraf terdahulu.

Peningkatan selepasnya dalam amaun boleh diterima untuk sesuatu aset akan diambil kira sebagai kebalikan bagi kemerosotan dahulu dan akan diiktiraf setakat amaun buku aset tersebut yang sudah ditentukan (selepas pelunasan dan susut nilai) dimana kerugian kemerosotan tidak diiktiraf. Kebalikan berkenaan akan direkodkan dalam penyata pendapatan serta merta, kecuali aset tersebut direkodkan dengan amaun penilaian semula. Kebalikan untuk kerugian kemerosotan ke atas aset yang dinilai semula akan dikreditkan dalam tambahan penilaian semula secara langsung. Tetapi, setakat kerugian kemerosotan ke atas aset yang sama yang dicajkan sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dahulu, kebalikan untuk kemerosotan tersebut akan diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan.

Rizab Persamaan Keuntungan (PER)

PER merujuk kepada jumlah yang diagihkan keluar daripada jumlah pendapatan kasar bagi mengekalkan tahap pulangan tertentu untuk pendeposit. PER ditolak daripada jumlah pendapatan kasar (bagi mencapai pendapatan kasar bersih) seperti yang diluluskan dan disahkan oleh Majlis Penasihat Syarikat Kebangsaan bagi perbankan Islam dan takaful Bank Negara Malaysia.

Peruntukan

Peruntukan diiktirafkan apabila terdapat kemungkinan aliran keluar sumber dalam bentuk manfaat ekonomi akan diminta untuk menyelesaikan kewajipan semasa hasil daripada peristiwa lepas dan anggaran amaun dapat dibuat.

Peruntukan Tanggungan Luar Jangka

Berdasarkan pada penilaian pihak pengurusan ke atas jaminan diberi bagi pihak pelanggan, peruntukan tertentu bagi tanggungan luar jangka dibuat apabila panggilan atau potensi tanggungan berlaku dan terdapat kekurangan dalam nilai cagaran untuk menyokong jaminan tersebut.

Ganjaran Pekerja

(i) Ganjaran Jangka Pendek

Upah, gaji, cuti tahunan dan sakit dibayar, bonus dan ganjaran-ganjaran bukan kewangan telah diperuntukkan bagi tempoh perkhidmatan yang berkenaan yang dilakukan oleh pekerja-pekerja Kumpulan.

(ii) Pelan Caruman Yang Ditetapkan

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membuat caruman kepada skim bersara negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Syarikat-syarikat subsidiari yang beroperasi di luar negara, membuat caruman mereka kepada skim-skim bersara berkanun di negara masing-masing. Caruman sedemikian adalah direkodkan sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan. Apabila caruman telah dibayar, Kumpulan tidak lagi mempunyai sebarang kewajipan bayaran.

(iii) Ganjaran Pampasan Ekuiti

(a) Skim opsyen saham pekerja Syarikat membenarkan para pengarah dan pekerja yang layak untuk membeli saham Syarikat. Apabila opsyen yang diberi telah dilaksanakan, ekuiti akan bertambah dengan jumlah penjualan yang diterima.

(b) Skim opsyen saham pekerja membenarkan para pengarah dan para pekerja Kumpulan, kecuali para pengarah eksekutif yang mewakili Kerajaan atau agensi-agensi dan institusi-institusi Kerajaan dan pekerja Kerajaan yang berkhidmat dalam skim perkhidmatan awam di bawah Artikel 132 Perlembagaan Persekutuan untuk membeli saham AMMB Holdings Berhad (AHB). Apabila opsyen yang diberi dilaksanakan, ekuiti akan bertambah dengan jumlah penjualan yang diterima.



Nota-Nota Penyata Kewangan (Sambungan)

Kontrak-Kontrak Pertukaran Kadar Faedah

Kumpulan menggunakan pertukaran kadar faedah sebagai instrumen perlindungan nilai.

Pendapatan atau perbelanjaan faedah berkaitan dengan pertukaran kadar faedah diiktiraf sepanjang hayat perjanjian pertukaran sebagai komponen pendapatan atau perbelanjaan faedah.

Pengiktirafan Pendapatan Dan Perbelanjaan Faedah Dan Pembiayaan

Pada umumnya, pendapatan faedah dan pembiayaan diiktiraf secara akruan menggunakan kaedah sama rata berdasarkan baki bagi semua aset yang berfaedah. Pendapatan faedah dan pembiayaan termasuk pelunasan premium atau pertambahan diskau. Pendapatan faedah dan pembiayaan atas sekuriti pelaburan dan perniagaan dikenalpasti berdasarkan hasil efektif. Pendapatan faedah dan pembiayaan atas urus niaga sewa-beli, blok diskau dan pajakan diiktiraf mengikut kaedah jumlah angka. Pendapatan faedah dan pembiayaan atas pinjaman perumahan dan pinjaman berjangka serta pembiayaan diiktiraf atas dasar tempoh rehat bulanan.

Apabila sesuatu akaun dianggap tidak berbayar, pengiktirafan pendapatan faedah dan pembiayaan akan ditangguhkan dengan pelarasan retrospektif dibuat ke tarikh akaun mula ingkar. Selepas itu, faedah atas akaun-akaun ini akan diiktiraf atas dasar tunai sehingga akaun-akaun tersebut tidak lagi diklasifikasikan sebagai akaun tidak berbayar.

Akaun-akaun pelanggan dianggap sebagai tidak berbayar apabila tunggakan ke atas bayaran balik melebihi enam bulan selain daripada akaun-akaun kad kredit, di mana klasifikasi sebagai pinjaman dan pembiayaan tidak berbayar apabila tunggakan ke atas bayaran balik melebihi tiga bulan. Klasifikasi pinjaman dan pembiayaan tidak berbayar adalah mematuhi Garis Panduan Klasifikasi Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Hutang Lapuk dan Ragu yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Perbelanjaan faedah dan pendapatan hak deposit (berhubung dengan aktiviti-aktiviti perniagaan Perbankan Islam) ke atas deposit dan pinjaman Kumpulan diakru mengikut kaedah sama rata, manakala caj pembiayaan blok diskau, sewa-beli dan pajakan diakru dengan menggunakan kaedah 'jumlah angka'.

Yuran kendalian yang diluluskan dan dibayar kepada peniaga kenderaan bermotor untuk pinjaman dan pembiayaan sewa-beli selaras 1 Januari 2004 dihapuskan ke penyata pendapatan untuk tempoh masa yuran kendalian itu dikenakan sejak dengan Surat Pekeliling Bank Negara Malaysia bertarikh 4 Julai 2003 dan 8 Ogos 2003. Walau bagaimanapun, yuran kendalian yang diluluskan dan dibayar kepada peniaga kenderaan bermotor untuk pinjaman dan pembiayaan sewa-beli sebelum 1 Januari 2004, telah dimodalkan dan dilunaskan ke penyata pendapatan dalam tempoh masa pinjaman sewa-beli dengan kaedah jumlah angka. Perubahan polisi perakaunan ini telah diambil kira secara prospektif dan menyebabkan peningkatan dalam yuran kendalian dicaj ke penyata pendapatan dalam tahun kewangan ini sebanyak RM18.2 juta.

Pengiktirafan Pendapatan Yuran Dan Lain-Lain Pendapatan

Yuran pengurusan pinjaman dan komisyen diiktiraf apabila kesemua syarat telah dipenuhi.

Yuran jaminan diiktiraf sebagai pendapatan apabila jaminan dikeluarkan dan di mana jangka masa jaminan melebihi satu tahun, pendapatan akan dibahagi sepanjang tempoh jaminan.

Lain-lain yuran untuk berbagai-bagai perkhidmatan dan faciliti yang diberi kepada pelanggan diiktiraf pada masa penerimaan.

Keuntungan dan kerugian penjualan pelaburan akan diiktiraf dalam penyata kewangan.

Sewa untuk kelengkapan dan harta tanah akan diiktiraf berdasarkan akruan.

Dividen dari sekuriti perniagaan dan pelaburan diiktiraf bila diterima. Dividen dari syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersatu diiktiraf bila hak untuk menerima bayaran ditentukan.

Nota-Nota Penyata Kewangan (*Sambungan*)

Pencukaian

Cukai ke atas keuntungan atau kerugian dalam tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan pencukaian tertunda. Cukai pendapatan diiktiraf dalam penyata pendapatan kecuali yang berkaitan dengan butiran diiktiraf terus kedalam ekuiti, dimana ianya akan diiktiraf dalam ekuiti.

Cukai perbelanjaan semasa ditentukan mengikut undang-undang pencukaian bagi bidang kuasa dimana Kumpulan beroperasi dan ini termasuk semua dasar pencukaian ke atas keuntungan pencukaian.

Pencukaian tertunda telah diperuntukkan dengan kaedah tanggungan, ke atas perbezaan sementara yang timbul daripada dasar-dasar pencukaian aset dan tanggungan dan nilai bukunya dalam panyata kewangan. Pada dasarnya, tanggungan pencukaian tertunda diiktiraf ke atas semua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset pencukaian aset diiktiraf keatas semua perbezaan sementara yang boleh ditolak dan kerugian cukai tidak digunakan setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan bercukai sedia ada di mana perbezaan sementara boleh ditolak dan kerugian cukai tidak digunakan boleh digunakan. Perbezaan sementara tidak diiktiraf untuk ihsan kerana ianya tidak boleh ditolak bagi tujuan pencukaian dan perbezaan sementara juga tidak diiktiraf bagi pengiktirafan awal aset dan tanggungan di mana pada masa urus niaga tidak membawa kesan kepada keuntungan perakaunan ataupun keuntungan pencukaian. Amaun cukai tertunda diperuntukkan berdasar kepada cara ianya dijangka akan direalisasi atau penyelesaian nilai buku aset dan tanggungan, dengan menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besar telah digubal pada tarikh kunci kira-kira.

Sebelum serapan MASB 25, Cukai Pendapatan, kesan cukai ke atas urus niaga pada amnya diiktiraf menggunakan kaedah ‘tanggungan’ dalam tahun urus niaga dilakukan dan diiktiraf sebagai pendapatan bersih, tanpa mengambil kira bila ianya akan diiktiraf bagi tujuan pencukaian. Walau bagaimanapun, bila perbezaan sementara menghasilkan cukai tertunda debit, kesan pencukaian pada amnya diiktiraf bila realisasi dianggap terjamin. Perubahan dasar perakaunan telah diambil kira secara retrospektif dan kesan perubahan ini telah didedahkan dalam Nota 47.

Pendapatan Operasi

Pendapatan operasi Kumpulan dan Syarikat merangkumi pendapatan faedah dan pembiayaan bersih selepas faedah dan pendapatan tergantung atau dibayar balik tetapi sebelum pelunasan premium ditolak pertambahan diskau, pendapatan yuran, pendapatan perniagaan bersih daripada sekuriti pasaran wang, keuntungan/(kerugian) bersih jualan pelaburan disebut harga, pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga, pendapatan daripada operasi-operasi Perbankan Islam sebelum pendapatan hak pendeposit dan peruntukan atau masuk kira semula bersih penyusutan nilai pelaburan.

Penyata Aliran Wang Tunai

Kumpulan dan Syarikat menggunakan kaedah tidak langsung dalam penyediaan penyata aliran wang tunai.

Wang Tunai Dan Kesamaan Wang Tunai

Untuk tujuan penyata aliran wang tunai, wang tunai dan kesamaan wang tunai meliputi wang tunai dan dana jangka pendek.



Nota-Nota Penyata Kewangan (*Sambungan*)

4. Wang Tunai Dan Dana Jangka Pendek

	Kumpulan		Syarikat	
	2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
Wang tunai dan baki bank	122,120	97,970	653	69
Wang panggilan dan deposit matang dalam tempoh sebulan:				
Bank berlesen:				
Berkaitan	739,517	1,266,721	12,017	321
Lain-lain	189,000	288,300	-	-
Lain-lain syarikat kewangan berlesen	20,000	20,000	-	-
Bank Negara Malaysia	1,996,800	973,000	-	-
Lain-lain institusi kewangan	-	20,000	-	-
	3,067,437	2,665,991	12,670	390

Deposit Kumpulan berjumlah RM198,000 (2003 - RM194,000) adalah dicagarkan kepada bank-bank tertentu untuk faciliiti perbankan yang ditawarkan kepada syarikat-syarikat subsidiari.

Termasuk di atas adalah berian pinjaman antara bank berjumlah RM2,933,300,000 (2003 - RM2,567,700,000) bagi Kumpulan

Pada 31 Mac 2004, kedudukan peminjaman dan berian pinjaman antara bank bersih bagi Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2004 RM'000	2003 RM'000
Berian pinjaman antara bank		
Wang tunai dan dana jangka pendek	2,933,300	2,567,700
Deposit dengan institusi kewangan (Nota 6)	19,132	18,500
	2,952,432	2,586,200
Peminjaman antara bank (Nota 17)	(200)	(110,550)
Berian pinjaman antara bank - bersih	2,952,232	2,475,650

5. Pembelian Sekuriti Bawah Perjanjian Jual-Balik

	Kumpulan		Syarikat	
	2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
Bank berlesen berkaitan	-	355	-	355

Nota-Nota Penyata Kewangan *(Sambungan)*

6. Deposit Dengan Institusi Kewangan

	Kumpulan		Syarikat	
	2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
Bank berlesen:				
Berkaitan	35	-	35	-
Lain-lain	98	94	-	-
Lain-lain institusi kewangan	19,132	18,500	-	-
	19,265	18,594	35	-

Termasuk di atas adalah berian pinjaman antara bank berjumlah RM19,132,000 (2003 - RM18,500,000) bagi Kumpulan.

7. Sekuriti Perniagaan

	Kumpulan		Syarikat	
	2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
Sekuriti Disebut Harga di Malaysia:				
Saham	173,994	112,605	-	-
Unit Amanah	53,642	115,748	53,642	115,748
Waran	331	156	-	-
Stok Pinjaman	275	294	-	-
	228,242	228,803	53,642	115,748
Sekuriti Hutang Persendirian Dijamin				
Tidak Disebut Harga Dalam Syarikat-Syarikat Diperbadankan Di Malaysia:				
Bon korporat	98,290	-	-	-
Jumlah	326,532	228,803	53,642	115,748
Peruntukan penyusutan nilai pelaburan di Malaysia	(19,532)	(40,180)	(2,701)	-
	307,000	188,623	50,941	115,748
Nilai pasaran:				
Sekuriti Disebut Harga di Malaysia:				
Saham	157,090	71,883	-	-
Unit Amanah	50,941	117,669	50,941	117,669
Waran	362	240	-	-
Stok Pinjaman	317	812	-	-
Sekuriti Hutang Persendirian Dijamin	98,325	-	-	-
Tidak Disebut Harga Dalam Syarikat-Syarikat Diperbadankan Di Malaysia:				
Bon korporat	98,325	-	-	-



Nota-Nota Penyata Kewangan (*Sambungan*)

8. Sekuriti Pelaburan

	Kumpulan 2004 RM'000	2003 RM'000
Sekuriti Pasaran Wang:		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	1,700	126,709
Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia	145,319	92,814
Bil Perpendaharaan	311,799	589,940
Bil Bank Negara Malaysia	44,467	143,007
Instrumen deposit boleh niaga	393,908	571,995
Bil Penerimaan Islam	2,979	-
Nota Cagamas	-	38,897
Penerimaan jurubank	-	66,704
Bon Danamodal	-	69,733
Bon Khazanah Islam	-	49,560
Sijil hutang Islam boleh niaga	-	19,977
	900,172	1,769,336
Saham Disebut Harga Di Malaysia	497	400
Pertukaran Hutang Ekuiti Disebut Harga Di Malaysia		
Saham	170,960	39,678
Saham - <i>dengan opsyen</i>	41,520	41,520
Stok Pinjaman - <i>bersandar</i>	355,499	346,027
Waran	15	42
Bon korporat	-	29,516
	567,994	456,783
Sekuriti Tidak Disebut Harga Di Malaysia:		
Saham	36,431	36,431
Bon korporat	792	792
	37,223	37,223
Pertukaran Hutang Ekuiti Tidak Disebut Harga Di Malaysia:		
Stok Pinjaman	501,269	10,210
Saham	125,816	44,969
Bon korporat - <i>dijamin</i>	121,518	103,013
	748,603	158,192
Jumlah	2,254,489	2,421,934
Tolak:		
Peruntukan penyusutan nilai pelaburan	(350,598)	(122,285)
Pertambahan diskau tolak pelunasan premium	14,699	10,972
Bersih	1,918,590	2,310,621

Nota-Nota Penyata Kewangan *(Sambungan)*

	Kumpulan	
	2004	2003
	RM'000	RM'000
Nilai pasaran:		
Sekuriti Pasaran Wang:		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	1,872	118,122
Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia	152,801	96,288
Bil perpendaharaan	319,035	599,203
Bil Bank Negara Malaysia	44,817	144,163
Instrumen deposit boleh niaga	393,908	591,349
Bil Penerimaan Islam	2,997	-
Nota Cagamas	-	39,358
Penerimaan jurubank	-	66,864
Bon Danamodal	-	74,330
Bon Khazanah Islam	-	51,306
Sijil hutang Islam boleh niaga	-	19,977
Saham Disebut Harga di Malaysia	95	60
Pertukaran Hutang Ekuiti Disebut Harga Di Malaysia:		
Saham	79,196	14,240
Saham - <i>dengan opsyen</i>	23,840	21,296
Stok Pinjaman - <i>bersandar</i>	374,110	287,098
Waran	488	440
Bon korporat	-	4,779

	Kumpulan	
	2004	2003
	RM'000	RM'000
Struktur kematangan instrumen pasaran wang yang dipegang untuk pelaburan adalah seperti berikut:		
Matang dalam tempoh setahun		
Satu hingga dua tahun	865,759	1,674,616
Dua hingga tiga tahun	32,507	83,645
Tiga hingga lima tahun	586	9,169
Lebih daripada lima tahun	1,320	586
	-	1,320
	900,172	1,769,336

Sekuriti pasaran wang tertentu yang dipegang untuk pelaburan telah dijual bawah perjanjian pembelian balik bagi tujuan pendanaan dan nilai buku sekuriti tersebut tidak dikeluarkan dari akaun aset masing-masing, sementara kewajipan membeli-balik sekuriti pada harga dipersetujui dan pada tarikh masa depan tertentu dianggap sebagai tanggungan seperti dinyatakan di dalam Nota 18.



Nota-Nota Penyata Kewangan (Sambungan)

9. Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan

	Kumpulan	2004 RM'000	2003 RM'000
Kemudahan kredit pusingan	884,522	1,069,562	
Pinjaman perumahan	4,839,185	4,357,611	
Sewa-beli akan diterima	18,105,313	16,681,416	
Pajakan akan diterima/Sewa-beli industri	1,322,722	1,681,565	
Blok diskau	51,048	64,625	
Pinjaman kakitangan (kepada seorang Pengarah: RM1,388,000; RM1,493,000 dalam 2003)	104,160	119,166	
Kad Kredit/Caj belum diterima	1,181,073	1,222,914	
Lain-lain pinjaman	5,265,709	5,952,803	
	31,753,732	31,149,662	
Faedah dan pendapatan yang belum diperolehi	(3,674,200)	(3,420,757)	
	28,079,532	27,728,905	
Jumlah pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar	(736,007)	(1,047,778)	
Peruntukan hutang lapuk dan ragu dan pembiayaan:	(405,256)	(388,705)	
- Tertentu	(947,905)	(1,190,485)	
Faedah/Pendapatan tergantung	25,990,364	25,101,937	

- (i) Struktur kematangan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan adalah seperti berikut:

Matang dalam tempoh setahun	8,813,853	9,404,813
Satu hingga tiga tahun	8,445,974	8,061,537
Tiga hingga lima tahun	5,222,211	4,844,000
Lebih daripada lima tahun	5,597,494	5,418,555
	28,079,532	27,728,905

- (ii) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dianalisis mengikut tujuan ekonomi adalah seperti berikut:

Pembelian kenderaan pengangkutan	14,391,180	13,214,714
Pembelian harta tanah		
- Kediaman	5,073,287	4,639,237
- Bukan kediaman	1,450,323	1,662,696
Pembinaan	1,776,356	2,446,872
Kredit penggunaan	1,674,165	1,425,335
Perkilangan	742,257	830,075
Perdagangan am	681,355	623,578
Pembelian sekuriti	652,792	771,305
Pengangkutan, pergudangan dan komunikasi	373,583	651,652
Harta tanah	319,434	412,212
Kewangan, insuran dan perkhidmatan perniagaan	312,900	357,698
Komuniti, sosial dan perkhidmatan persendirian	299,479	310,055
Pertanian	273,401	262,047
Perlombongan dan kuari	33,511	37,380
Elektrik, gas dan air	11,507	11,737
Lain-lain	14,002	72,312
Jumlah pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar	28,079,532	27,728,905

Nota-Nota Penyata Kewangan *(Sambungan)*

- (iii) Pergerakan pinjaman dan pembiayaan tidak berbayar (termasuk faedah dan pendapatan akan diterima) adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
Kasar				
Baki pada awal tahun	4,349,529	6,070,328	-	2,313,514
Tidak berbayar bagi tahun	1,599,089	1,544,277	-	189,893
Amaun dihapus kira	(1,055,067)	(2,042,738)	-	(30,655)
Amaun dibayar balik	(490,210)	(420,278)	-	(40,215)
Reklasifikasi kepada pinjaman berbayar	(297,627)	(746,451)	-	(37,150)
Pertukaran hutang ekuiti	(53,770)	(55,609)	-	(8,897)
Amaun hak diperletakkan kepada AmFinance	-	-	-	(2,386,490)
Baki pada akhir tahun	4,051,944	4,349,529	-	-
Tolak:				
Peruntukan tertentu	(736,007)	(1,047,778)	-	-
Faedah/pendapatan tergantung	(947,905)	(1,190,485)	-	-
	(1,683,912)	(2,238,263)	-	-
Pinjaman dan pembiayaan tidak berbayar (bersih)	2,368,032	2,111,266	-	-
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih kepada pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan bersih	8.97%	8.28%	-	-

- (iv) Pergerakan dalam peruntukan hutang dan pembiayaan lapuk dan ragu dan faedah/pendapatan tergantung adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
Peruntukan Am				
Baki pada awal tahun	388,705	351,393	-	236,290
Peruntukan bagi tahun	16,551	37,312	-	20,282
Amaun hak diperletakkan kepada AmFinance	-	-	-	(256,572)
Baki pada akhir tahun	405,256	388,705	-	-
% daripada jumlah pinjaman tolak peruntukan tertentu dan faedah/pendapatan tergantung	1.53%	1.52%	-	-



Nota-Nota Penyata Kewangan (Sambungan)

	Kumpulan 2004 RM'000	2003 RM'000	Syarikat 2004 RM'000	2003 RM'000
Peruntukan Tertentu				
Baki pada awal tahun	1,047,778	2,333,248	-	455,758
Peruntukan bagi tahun	696,900	639,776	-	61,351
Masuk kira semula peruntukan dibayar balik	(238,126)	(203,705)	-	(26,051)
	458,774	436,071	-	35,300
Amaun dihapus kira/Pelarasan ke Akaun Kekurangan Aset	(690,436)	(1,638,766)	-	-
Pertukaran hutang ekuiti	(49,387)	(25,809)	-	(809)
Kutipan tanggungan luar jangka Danamodal berpunca dari pemerolehan AmFinance	(30,722)	(56,966)	-	-
Amaun hak diperletakkan kepada AmFinance	-	-	-	(490,249)
Baki pada akhir tahun	736,007	1,047,778	-	-
Faedah/Pendapatan tergantung				
Baki pada awal tahun	1,190,485	1,179,071	-	623,195
Peruntukan bagi tahun	487,270	593,906	-	59,470
Masuk kira semula peruntukan dibayar balik	(209,505)	(150,891)	-	(14,165)
	277,765	443,015	-	45,305
Amaun dihapus kira/Pelarasan ke Akaun Kekurangan Aset	(372,710)	(407,630)	-	(30,753)
Pertukaran hutang ekuiti	(135,778)	(6,466)	-	(915)
Kutipan tanggungan luar jangka Danamodal berpunca dari pemerolehan AmFinance	(11,857)	(17,505)	-	-
Amaun hak diperletakkan kepada AmFinance	-	-	-	(636,832)
Baki pada akhir tahun	947,905	1,190,485	-	-

10. Lain-Lain Aset

	Kumpulan 2004 RM'000	2003 RM'000	Syarikat 2004 RM'000	2003 RM'000
Aset tertunda	(i) 72,022	71,137	-	-
Lain-lain penghutang, deposit dan bayaran terdahulu selepas menolak peruntukan hutang lapuk dan ragu bagi Kumpulan berjumlah RM16,381,000 (2003 - RM12,746,000)	190,190	167,616	18	11,056
Amaun terhutang oleh syarikat-syarikat berkaitan	(ii) 6,185	1,753	-	-
Harta-harta dirampas selepas menolak peruntukan penyusutan nilai berjumlah RM10,464,048 (2003 - RM6,000,000)	2,607	6,607	-	-
Amaun boleh dibayar balik daripada Danaharta	(iii) -	67,497	-	-
	271,004	314,610	18	11,056

Nota-Nota Penyata Kewangan *(Sambungan)*

	Kumpulan		Syarikat	
	2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
(i) Aset Tertunda				
Termasuk dalam aset tertunda adalah seperti berikut:				
Timbul dari pengambilalihan Abrar Finance Berhad	10,837	9,952	-	-
Timbul dari pengambilalihan Kewangan Usahasama Makmur Berhad	61,185	61,185	-	-
Baki pada akhir tahun	72,022	71,137	-	-

Syarikat telah menyertai satu skim yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan dipersetujui oleh Mahkamah Tinggi Malaya, di mana sesetengah aset dan tanggungan Abrar Finance Berhad (AFB), sebuah syarikat kewangan berlesen yang diperbadankan di Malaysia, dipindahkan ke Syarikat berkuatkuasa daripada 18 Disember 1998 dengan bantuan kewangan daripada Bank Negara Malaysia (BNM).

Kekurangan aset bersih lebihan yang mewakili tanggungan ke atas aset dipindahkan daripada AFB yang wujud dari skim, dinyatakan sebagai aset tertunda dan dikurangkan secara progresif melalui pendapatan bersih yang diperolehi dari penggunaan deposit yang ditempatkan oleh BNM, seperti yang dinyatakan dalam Nota 17, dan bayaran balik bersih daripada pinjaman ingkar AFB dikira berdasarkan faedah ditentukan oleh BNM.

Berikutan arahan letak hak aset-aset dan tanggungan-tanggungan dari Syarikat kepada AmFinance, aset tertunda yang berpunca dari pengambilalihan AFB telah diperletakkan hak kepada AmFinance.

Dalam tahun 1988, Kerajaan Malaysia menawarkan kepada Kewangan Usahasama Makmur Berhad (KUMB), faedah pencukaian hadapan berjumlah RM434 juta, diselaraskan kemudiannya kepada RM426.69 juta apabila pencukaian kredit KUMB diselesaikan, mengambil kira kekurangan dalam aset yang diambilalih daripada Ko-operasi Pengambilan Deposit. Faedah pencukaian adalah satu jumlah kewangan tetap dan tidak bergantung kepada sebarang perubahan dalam kadar pencukaian.

Faedah pencukaian bersih ditunjukkan sebagai aset tertunda dan penggunaan faedah pencukaian tertunda adalah berdasarkan penerimaan notis taksiran dan penyerahan tanggungan pencukaian kemudiannya oleh pihak berkuasa berkenaan ditolak amaun belum bayar kepada pihak berkuasa pencukaian untuk tujuan pencukaian kredit Seksyen 108.

(ii) Amaun Belum Diterima Dari Syarikat-Syarikat Berkaitan

Amaun belum diterima dari syarikat-syarikat berkaitan adalah tidak berfaedah dan mewakili perbelanjaan yang dibayar bagi pihak.

(iii) Amaun Boleh Dibayar Balik Daripada Danaharta

	Kumpulan		Syarikat	
	2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
Baki pada awal tahun	67,497	158,949	-	1,830
Peruntukan bagi tahun	(62,795)	(91,452)	-	(224)
Amaun dibayar balik	(4,702)	-	-	-
Amaun hak diperletakkan kepada AmFinance	-	-	-	(1,606)
Baki pada akhir tahun	-	67,497	-	-



Nota-Nota Penyata Kewangan (*Sambungan*)

11. Ihsan Berpunca Dari Penyatuan

Pergerakan ihsan berpunca dari penyatuan adalah seperti berikut:

KOS	Kumpulan	
	2004 RM'000	2003 RM'000
Baki pada awal/akhir tahun	109,179	109,179
PELUNASAN TERKUMPUL		
Baki pada awal tahun	6,825	1,365
Pelunasan bagi tahun (Nota 30)	5,458	5,460
Baki pada akhir tahun	12,283	6,825
NILAI BUKU BERSIH	96,896	102,354

12. Deposit Berkanun Dengan Bank Negara Malaysia

Deposit berkanun dikekalkan dengan Bank Negara Malaysia bagi mematuhi Seksyen 37(1)(c) Akta Bank Pusat Malaysia, 1958 di mana amanya ditentukan mengikut peratusan yang ditetapkan atas jumlah tanggungan kelayakan.

13. Pelaburan Dalam Syarikat-Syarikat Subsidiari

	Syarikat	
	2004 RM'000	2003 RM'000
Saham tidak disebut harga, pada nilai kos	1,638,354	1,383,354
Nota pinjaman bersubordinat	-	250,000
Amaun dibayar ke Danamodal atas pembayaran balik pinjaman (Nota 20)	-	171,869
	1,638,354	1,805,223

Nota pinjaman bersubordinat adalah tidak bercagar, bersubordinat kepada lain-lain tanggungan dan diterbitkan kepada Syarikat pada 14 Ogos 2002 sebagai penjelasan sebahagian daripada pembayaran berhubung dengan perletakan hak aset dan tanggungan Syarikat kepada AmFinance. Nota pinjaman adalah diterbitkan untuk tempoh sepuluh tahun dan akan dibayar balik pada 14 Ogos 2012 dan menanggung kadar faedah 7.0% setahun, dibayar mengikut dasar setengah tahun.

Pada 15 Oktober 2003, nota pinjaman bersubordinat telah ditebus sepenuhnya oleh AmFinance.

Nota-Nota Penyata Kewangan *(Sambungan)*

Syarikat-syarikat subsidiari adalah diperbadankan di Malaysia:

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Kepentingan Ekuiti Efektif 2004	
		%	%
Syarikat Subsidiari Langsung			
AmFinance Berhad	Syarikat kewangan	100.0	100.0
Syarikat Subsidiari Tidak Langsung			
MBf Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd.	Syarikat nomini	100.0	100.0
MBf Information Services Sdn. Bhd.	Penyewaan peralatan komputer dan penyediaan khidmat sokongan yang berkaitan	100.0	100.0
AmProperty Holdings Sdn. Bhd.	Pelaburan harta tanah	100.0	100.0
MBf Equity Partners Sdn. Bhd.	Modal teroka	100.0	100.0
MBf Trustees Berhad	Khidmat amanah	60.0	60.0
Bougainvillaea Development Sdn. Bhd.	Pemegangan harta tanah	100.0	100.0
Natprop Sdn. Bhd.	Pemegangan pelaburan	100.0	100.0
Teras Oak Pembangunan Sdn. Bhd.	Tidak bergiat	100.0	100.0
Komuda Credit & Leasing Sdn. Bhd.	Tidak bergiat	100.0	100.0
MBf Property Trust Management Berhad	Tidak bergiat	100.0	100.0
Everflow Credit & Leasing Corporation Sdn. Bhd.	Tidak bergiat	100.0	100.0
Komewah Credit & Leasing Sdn. Bhd.	Tidak bergiat	100.0	100.0
Li & Ho Sdn. Bhd.	Tidak bergiat	100.0	100.0
Malco Properties Sdn. Bhd.	Tidak bergiat	51.0	51.0
Anning Sdn. Bhd.	Tidak bergiat	100.0	100.0
Horizon View Sdn. Bhd.	Tidak bergiat	-^	100.0
MBf Venture Partners Bhd.	Tidak bergiat	-^	100.0
MBf Nominees (Asing) Sdn. Bhd.	Tidak bergiat	100.0	100.0
Lekir Development Sdn. Bhd.	Berhenti operasi	100.0	100.0
Crystal Land Sdn. Bhd.	Berhenti operasi	80.0	80.0

^ Syarikat-syarikat subsidiari yang digugur daripada Pendaftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan dibubarkan adalah berdasarkan kepada kuasa yang dikurniakan di bawah Seksyen 308 Akta Syarikat, 1965.

Dalam tahun kewangan, peristiwa-peristiwa berikut telah berlaku:

- (1) Pada 25 Februari 2004, AmFinance telah menyertai perjanjian jual beli bersyarat dengan MBf Corporation Berhad (MBf Corp) bagi jualan keseluruhan 100% kepentingan ekuiti yang dimiliki oleh AmFinance yang merangkumi 1,000,000 saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dalam MBf Property Trust Management Berhad (MBfPT) dengan jumlah ganjaran tunai sebanyak RM1.00.

Ganjaran pembelian tersebut telah dipersetujui atas dasar kesanggupan pembeli dan penjual selepas mengambil kira kedudukan kewangan semasa MBfPT. Penyelesaian jualan tersebut dalam proses mendapat kelulusan daripada pihak-pihak yang berkenaan.

- (2) Apabila permohonan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (CCM) dibuat, syarikat-syarikat subsidiari AmFinance berikut, telah digugurkan daripada Pendaftar CCM dan pembubaran dibuat berdasarkan kepada kuasa dikurniakan di bawah Seksyen 308 Akta Syarikat, 1965:

- (i) Horizon View Sdn. Bhd. (HVSb) – No. Syarikat: 227779-D
- (ii) MBf Venture Partners Berhad (MBfVP) – No. Syarikat: 279706-A

Kedua-dua HVSb dan MBfVP tidak beroperasi semenjak ditubuhkan pada 28 Oktober 1991 dan 26 Oktober 1993, masing-masing.

Modal dibayar penuh HVSb dan MBfVP masing-masing berjumlah RM2 dibahagi kepada 2 saham-saham biasa bernilai RM1 setiap satu, dan RM1 dibahagi kepada 2 saham-saham biasa bernilai RM0.50 setiap satu.



Nota-Nota Penyata Kewangan (*Sambungan*)

14. Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu

	Kumpulan 2004 RM'000	2003 RM'000
Saham tidak disebut harga, pada kos Bahagian keputusan selepas pemerolehan, bersih daripada pencukaian	100 206	100 72
	306	172

Syarikat bersekutu yang diperbadankan di Malaysia adalah:

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Kepentingan Ekuiti Efektif	
		2004	2003
AmTrustee Berhad	Trustee Services	20%	20%

Pada 31 Mac 2004, nilai buku pelaburan dalam syarikat bersekutu adalah seperti berikut:

	Kumpulan 2004 RM'000	2003 RM'000
Bahagian nilai aset ketara bersih terkumpul Kumpulan	306	172

15. Harta Dan Kelengkapan

Kumpulan	Tanah dan bangunan milik bebas RM'000	Tanah dan bangunan milik pegangan pajak RM'000	Pembaikan pegangan pajak RM'000	Kelengkapan pejabat, perkakas dan perabot RM'000	Peralatan komputer dan perisian RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Jumlah RM'000
	KOS	SUSUT NILAI TERKUMPUL					
Pada awal tahun	312,613	36,890	105,647	74,640	343,561	8,215	881,566
Tambahan	-	-	10,479	7,395	27,860	549	46,283
Jualan	-	-	(145)	(499)	(541)	(2,850)	(4,035)
Dihapus kira	-	-	31	(3)	(176)	-	(148)
Reklasifikasi/Pindahan	-	-	1,023	1,093	(8,578)	-	(6,462)
Pada akhir tahun	312,613	36,890	117,035	82,626	362,126	5,914	917,204
NILAI BUKU BERSIH							
Pada 31 Mac 2004	278,982	32,103	25,796	22,019	63,943	1,756	424,599
Pada 31 Mac 2003	284,395	32,603	23,753	20,206	76,361	2,031	439,349
Susut nilai bagi tahun berakhir 31 Mac 2003	5,294	775	8,566	6,107	63,304	850	84,896

Nota-Nota Penyata Kewangan (*Sambungan*)

- (a) Senarai tanah dan bangunan milik pegangan pajak adalah seperti berikut:

Kumpulan	Tanah dan bangunan milik pegangan pajak jangka panjang RM'000	Tanah dan bangunan milik pegangan pajak jangka pendek RM'000	Jumlah RM'000
2004			
Kos	35,434	1,456	36,890
Susut Nilai Terkumpul	(4,312)	(475)	(4,787)
Nilai buku bersih	31,122	981	32,103
2003			
Kos	35,434	1,456	36,890
Susut Nilai Terkumpul	(3,849)	(438)	(4,287)
Nilai buku bersih	31,585	1,018	32,603

Harta tanah pegangan pajakan jangka panjang untuk Kumpulan ialah 66-999 dan 85-855 tahun masing-masing dan dengan tempoh pajakan tiada tempoh matang ialah 54-875 tahun dan 63-788 tahun masing-masing.

Harta tanah pegangan pajakan jangka pendek untuk Kumpulan ialah 20-99 tahun dan 20 tahun masing-masing dan tempoh pajakan tiada tempoh matang ialah 2-35 tahun dan 2 tahun masing-masing.

- (b) Senarai harta dan kelengkapan yang telah disusut nilai penuh dan masih diguna adalah seperti berikut:

Kumpulan	Tanah dan bangunan milik bebas RM'000	Pembaikan pajak RM'000	Kelengkapan pejabat, perkkas dan perabot RM'000	Peralatan komputer dan perisian RM'000	Kenderaan bermotor perisian RM'000	Jumlah RM'000
Kos						
Pada 31 Mac 2004	123	54,711	36,394	201,300	2,179	294,707
Pada 31 Mac 2003	123	20,390	22,585	162,826	4,030	209,954



Nota-Nota Penyata Kewangan *(Sambungan)*

16. Deposit Daripada Pelanggan

	Kumpulan 2004 RM'000	2003 RM'000
Deposit simpanan	2,579,429	2,307,213
Deposit tetap/pelaburan	17,794,831	17,292,098
Sijil deposit boleh niaga	37,532	9,884
	20,411,792	19,609,195
(i) Struktur kematangan deposit daripada pelanggan adalah seperti berikut:		
Matang dalam tempoh enam bulan	15,130,703	14,420,259
Enam bulan hingga satu tahun	4,258,784	3,887,049
Satu hingga tiga tahun	666,963	851,159
Tiga hingga lima tahun	355,342	450,728
	20,411,792	19,609,195
(ii) Deposit tersebut berpunca dari golongan pelanggan berikut:		
Perusahaan perniagaan	3,160,118	3,375,567
Individu	14,911,651	14,014,153
Lain-lain	2,340,023	2,219,475
	20,411,792	19,609,195

17. Deposit Bank Dan Lain-Lain Institusi Kewangan

	Kumpulan 2004 RM'000	2003 RM'000
Bank berlesen	1,060,804	918,782
Syarikat kewangan berlesen	-	10,000
Lain-lain institusi kewangan	3,194,607	3,372,358
Bank Negara Malaysia (BNM)	808,000	808,000
	5,063,411	5,109,140

Termasuk dalam deposit bank dan lain-lain institusi kewangan Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

	Kumpulan 2004 RM'000	2003 RM'000
Instrumen deposit boleh niaga	2,182,031	1,612,172
Peminjaman antara bank (Nota 4)	200	110,550
	2,182,231	1,722,722

Deposit dari BNM merupakan deposit jangka lama yang ditempatkan dengan Kumpulan berhubung dengan pemindahan sesetengah aset dan tanggungan Abrar Finance Berhad dan Kewangan Usahasama Makmur Berhad kepada Syarikat dan AmFinance masing-masing seperti dinyatakan dalam Nota 10.

Nota-Nota Penyata Kewangan (*Sambungan*)

